



Berita Utama



BERANGKAT KE MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS WANITA



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi. - Foto : Mohammad Hasif Matzin (Lihat muka 3 hingga 4).

BERANGKAT KE MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS WANITA

Peranan penting parlimen menentukan hala tuju masa depan ASEAN

KUALA LUMPUR, Jumaat, 19 September. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menghadiri Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Ke-46 dihoskan oleh Parlimen Malaysia pada 16 hingga 22 September 2025, bertempat di World Trade Centre (WTC), Kuala Lumpur, Malaysia.

Sempena perhimpunan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar Titah Perutusan bagi Perhimpunan Agung AIPA Ke-46.

Dalam Titah Perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menekankan akan kepentingan tema perhimpunan tahun ini, 'Parliament at the Forefront for Inclusive Growth and Sustainable ASEAN' amat bertepatan

dalam mencerminkan aspirasi bersama dan peranan penting parlimen dalam menentukan hala tuju masa depan ASEAN.

Baginda turut menegaskan kepentingan menyelaras dasar serta memupuk keterangkuman agar ASEAN dapat mempercepatkan kemajuan ke arah kelestarian dengan memastikan tiada pihak yang terpinggir.

Menjamin kemakmuran negara mampan, kehidupan berkualiti tinggi

SEOUL, Khamis, 18 September. - Mesyuarat Peringkat Tinggi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik mengenai Kesihatan dan Ekonomi Kali Ke-15 (15th Asia-Pacific Economic Cooperation High Level Meeting on Health and the Economy) dan Sidang Kemuncak Bio Sedunia Kali Ke-4 (4th World Bio Summit) telah diadakan pada 15 hingga 17 September di Seoul, Republik Korea.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat tersebut telah diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan turut disertai oleh beberapa orang Pegawai Kanan Kementerian Kesihatan.

Mesyuarat Peringkat Tinggi Kerjasama

Ekonomi Asia-Pasifik mengenai Kesihatan dan Ekonomi Kali Ke-15 yang membawakan tema 'Connect, Innovate, Prosper : Building a Healthy, Smart and Aging-Responsive Society' telah diadakan pada 15 dan 16 September dengan memfokuskan perbincangan berhubung peluang untuk menjana inovasi dan mengukuhkan *connectivity* serta cabaran bersama, di samping menjamin kemakmuran negara yang mampan dan kehidupan yang berkualiti tinggi, khususnya semasa menghadapi perubahan demografik yang pantas.



ITQSHHB diiktiraf sebagai Ma'had Tahfiz Al-Quran Mithali (yang ideal)

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH Wasysyukru Lillah. Kita memuji dan menjunjung tinggi Allah Subhanahu Wata'ala atas segala kemuliaan serta keagungan-Nya. Dan kita mensyukuri rahmat serta nikmat-Nya yang banyak tidak terkira.

Maka dengan izin-Nya jua Majlis Haflut Takharuj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Kali Ke-13 pada pagi ini berlangsung meriah diserikan dengan keberangkatan Duli Tuanku bagi mengurniakan sabda serta menyempurnakan penganugerahan Sijil Diploma 'Aliyah Qira'at yang setaraf dengan Sijil Diploma Kebangsaan (National Diploma) kepada seramai 27 orang graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka peringkat Diploma 'Aliyah Qira'at di Institut Tahfiz yang tunggal di negara ini.

Sesungguhnya Hamba Duli Tuanku dan juga bagi pihak Timbalan Pengerusi dan Jemaah Ahli-Ahli Lembaga Institut Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan sekalian warga Institut Tahfiz dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan sembah junjung kasih atas perkenan Duli Tuanku berangkat ke majlis pagi ini.

Hamba Duli Tuanku sekalian mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa mengurniakan Duli Tuanku dan kerabat Duli

Tuanku sekalian dengan rahmat kasih sayang-Nya, nikmat sihat afiat dan bahagia ceria.

Alhamdulillah disebarkan bahawa dengan lulus pengajian peringkat Diploma 'Aliyah Qira'at mereka adalah menjadi sebahagian daripada seramai 268 orang graduan yang telah lulus pengajian peringkat Diploma 'Aliyah Qira'at sejak ia diperkenalkan 15 tahun yang lalu. Dan graduan-graduannya itu merupakan huffaz iaitu mereka yang hafaz 30 Juz Al-Quran dan berkelulusan yang setaraf dengan Diploma Kebangsaan (National Diploma).

Daripada sejumlah 268 orang itu bermula dari tahun 2016 hingga ke tahun 2025 ini ada seramai 82 orang adalah penerima Ijazah Khas UNISSA, yang diperakukan oleh Jawatankuasa Tasme' Kebangsaan.

Adalah sangat menarik bahawa dari seramai 27 graduan hari ini 25 orang akan menyambung pelajaran, 17 ke Syubra, Mesir termasuk seorang penerima Sultan's Scholar dan seorang masuk ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), tujuh orang ke UNISSA, yang meneruskan keluar negeri lima orang antaranya adalah penerima Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sementara itu seorang lagi memilih menyertai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebagai rekrut.

Sesungguhnya, pengajian di ITQSHHB akan terus meningkat dan berkembang.

Bermula pada tahun hadapan ia akan melahirkan graduan yang kelulusannya bertaraf Diploma Tertinggi Kebangsaan dengan penaiktarafan pengajian Diploma 'Aliyah Qira'at menjadi Diploma Tertinggi 'Aliyah Qira'at sejak tahun 2023, dua tahun

yang lalu.

Dengan penaiktarafan pengajiannya itu mengukuhkan lagi statusnya sebagai Institut Tahfiz yang diiktiraf sebagai Ma'had Tahfiz Al-Quran Mithali (yang ideal), dan telah menerima anugerah berprestij tinggi bidang pengajian hafazan Al-Quran iaitu Anugerah Antarabangsa His Majesty King Abdullah bin Abdul Aziz Al-Saud.

Pengiktirafan itu menjadikannya mercu tanda pengajian hafazan Al-Quran di negara ini, iaitu pengajian yang bersistem, bermutu tinggi dan penubuhannya telah mendatangkan impak positif kepada masyarakatnya.

Demikianlah ianya suatu rahmat dan nikmat yang dibanggakan dan disertai dengan penuh kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala, berkat niat murni penubuhannya oleh Raja dan Wali al-Amri yang disanjung tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sedemikian itulah pula hendaknya kesyukuran daripada sekalian graduan-graduannya, yang mendapat rahmat dan nikmat Allah mengikuti pengajian di Institut Tahfiz Al-Quran yang tunggal di negara ini, dari dahulu hingga sekarang dan yang akan datang, insyaaAllah.

Jelas dan tegasnya ialah kesyukuran dengan mempergunakan ilmu hafalan sebagai suatu nikmat sebaik-baik yang mungkin, menjaga dan memelihara kemuliaan - kesuciannya, tidak mensesiakkannya apalagi mencemarkannya.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Haflut Takharuj Kali Ke-13 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada Rabu, 17 Rabiulawal 1447 Hijrah / 10 September 2025 Masihi di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dengan kesyukuran sedemikian itu, kita yakin sebenar-benar yakin akan janji Allah Subhanahu Wata'ala tentang nikmat yang kita kecapi, bahawa Allah Subhanahu Wata'ala akan menambahkan lagi nikmat-Nya, dalam makna antaranya ialah dengan menambahkan mutu dan nilai nikmat yang dikecapi itu, namun sebaliknya jika nikmat itu disesiakan iaitu dikufuri, tidak dihargakan malah disesiakan, apalagi jika disalah gunakan, maka wajar bagi Allah Subhanahu Wata'ala menimpakan balasan azab seksa dunia dan akhirat. Ini selaras dengan mafhum firman-Nya:

>> Muka 10

WAKTU SEMBAHYANG										
SEPTEMBER	RABIULAWAL									
MASIHI	HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	SABTU	27	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.17	7.26
21	AHAD	28	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.26
22	ISNIN	29	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.25
23	SELASA	1	4.42	4.52	6.09	6.32	12.14	3.21	6.16	7.25
24	RABU	2	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.16	7.24
25	KHAMIS	3	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
26	JUMAAT	4	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 20 SEPTEMBER 2025

Guru adalah pelita yang menerangi jalan ke arah kejayaan

WAWASAN Brunei 2035 mempunyai matlamat yang jelas untuk membentuk sebuah negara yang maju, berpendidikan tinggi dan berdaya saing, dengan rakyat yang berkualiti dari segi intelek dan spiritual. Dalam menjayakan hasrat mulia ini, peranan guru adalah sangat penting dan tidak boleh dipandang ringan. Guru merupakan tunjang utama dalam sistem pendidikan yang menjadi nadi kepada pembentukan modal insan kelas pertama.

Guru bukan sekadar penyampai ilmu tetapi juga sebagai pembentuk nilai, akhlak dan jati diri generasi muda. Mereka bertanggungjawab untuk melahirkan pelajar yang bukan hanya cemerlang dalam akademik tetapi juga mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi, kreatif, inovatif, dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Dalam konteks Wawasan Brunei 2035, guru perlu memastikan setiap pelajar menguasai kemahiran abad ke-21 seperti penyelesaian masalah, literasi digital dan kerja berpasukan.

Selain itu, guru juga memainkan peranan kritikal dalam memupuk semangat patriotik dan rasa cinta akan negara dalam kalangan pelajar. Mereka adalah ejen yang menanamkan nilai-nilai murni dan prinsip Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi teras identiti dan falsafah negara. Generasi yang mempunyai keseimbangan antara pengetahuan duniawi dan ukhrawi serta taat kepada negara adalah aset terpenting untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Dari sudut pandangan Islam, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri sebagai *qudwah* hasanah adalah pendidik agung yang diutus untuk menyempurnakan akhlak manusia. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadilah, ayat 11 tafsirnya : "*Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama dari kalangan kamu beberapa darjat. Dan ingatlah Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan*". Justeru, menghormati, memartabatkan dan mendoakan kesejahteraan guru adalah satu kewajipan kerana merekalah pencetus api ilmu yang menerangi kegelapan kejahilan, sekali gus memacu kemajuan umat di dunia dan akhirat.

Kesimpulannya, guru adalah pelita yang menerangi jalan ke arah kejayaan Wawasan Brunei 2035. Dedikasi, komitmen dan visi mereka dalam mendidik anak bangsa akan menentukan hala tuju dan kejayaan Negara Brunei Darussalam pada masa hadapan. Kerjasama erat antara kerajaan, masyarakat, dan institusi pendidikan dalam memperkasakan profesion keguruan adalah kunci untuk merealisasikan impian nasional ini. Tidak lama lagi seluruh negara akan menyambut Hari Guru, iaitu pada 23 September 2025. Selamat Hari Guru diucapkan kepada semua pendidik yang telah berkorban tenaga dan masa mendidik anak bangsa. Terima kasih atas segala ilmu, bimbingan dan kasih sayang yang dicurahkan. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT KE MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS WANITA



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan kanan).



PENSYARAH Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Widad binti Dato' Dr. Haji Abdul Aziz ketika menyampaikan Ceramah Khas (kiri). Manakala gambar kanan, Pemangku Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Umiyati binti Haji Mohammad Noor selaku Pengerusi Bersama Majlis ketika menyampaikan sembah alu-aluannya.



JERUDONG, Khamis, 18 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi, berlangsung di Royal Berkshire, Tarindak D'Polo Jerudong, hari ini.

Berangkat sama, paduka-paduka adinda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar

Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari



ANTARA yang hadir pada Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447H / 2025M (atas kanan dan kanan). Manakala gambar kanan sekali, Persembahan Dikir Marhaban daripada pegawai dan kakitangan MOFE, KKBS, BIBD dan MWNB.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin



Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Pengendali Bersama; Pemangku Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin Bin Haji Abdul Hamid dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Sejurus itu, YTM berserta

kerabat diraja diiringi oleh Pemangku Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Datin Hajah Umiyati binti Haji Mohammad Noor selaku Pengerusi Bersama Majlis; Penasihat-penasihat Bersama dan Pengerusi-pengerusi Bersama daripada Pengendali-pengendali Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447H dari KHEU, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), BIBD dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNB).

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh mahasiswi Tahun Satu, jurusan Usuluddin, Universiti Al-Azhar, Mesir, Dayang Najla' Sabreena binti Haji Abdul Rajid dan merupakan johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Tahun 2024 dan



2025.

Dalam sembah alu-aluannya, Datin Hajah Umiyati menyampaikan bahawa Majlis Perhimpunan Khas Wanita pada Tahun 1447H ini adalah kali yang ke-32 sejak ia mula diadakan pada tahun 1416H bersamaan tahun 1995M.

"Setiap kali kita memperingati Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kita bukan sahaja menyambut hari kelahiran Baginda, malah apa yang lebih utama, kita menzahirkan rasa cinta, syukur dan penghargaan terhadap anugerah terbesar Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat manusia. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah rahmat kepada sekalian alam, contoh teladan terbaik serta pembawa cahaya petunjuk dan kebenaran," sembahnya.

Datin Hajah Umiyati seterusnya menyampaikan bahawa tema sambutan pada tahun ini berbunyi 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah' amat bertepatan dengan aspirasi kita sebagai wanita Islam dalam membina institusi keluarga yang berteraskan kasih sayang, ketenangan dan rahmat.

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menunjukkan contoh terbaik dalam mendidik ahli keluarga, menyantuni isteri-isteri Baginda dengan penuh kelembutan serta membimbing anak-anak dengan hikmah dan kasih sayang," sembahnya.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Dikir Marhaban daripada pegawai dan kakitangan MOFE, KKBS, BIBD dan MWNB.

>> Muka 4



BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayang Najla' Sabreena binti Haji Abdul Rajid.





>> Muka 3

Ceramah Khas bertajuk 'Rahmat Allah Menjemput Ketenangan dan Kebahagiaan' oleh Pensyarah Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Widad binti Dato' Dr. Haji Abdul Aziz, menyerikan lagi

acara berkeabajikan tersebut.

Dalam ceramahnya, Dr. Widad antara lain mengongsikan, melalui kisah ujian perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta huraian ulama tafsir terhadap perwatakan serta personaliti Junjungan Agung Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dapat difahami bahawa rahmat Allah sebagai sumber kelembutan iaitu

ketenangan jiwa bukan lahir daripada keadaan sekeliling atau apa yang kita faham sebagai *self-acquired skill* tetapi daripada rahmat Allah yang memenuhi hati.

Rahmat Allah mengawal emosi iaitu menjadikan seseorang itu mengawal marah, sabar menghadapi fitnah dan tetap berlapang dada dan rahmat Allah juga melindungi daripada

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan kerabat diraja menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (kiri). Manakala gambar bawah, bacaan selawat oleh pelajar-pelajar Sanah 5 dan 6 Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit.



kesusahan jiwa dengan memberi kekuatan rohani untuk menanggungnya dengan tabah, lalu melahirkan ketenangan.

Acara diteruskan dengan bacaan selawat oleh pelajar-pelajar Sanah 5 dan 6 Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pemangku Penolong Pengarah

Pengajian Islam (Perkhidmatan Korporat), Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Dayang Hajah Noor Rasidah binti Haji Sharbini.

Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447H / 2025M dikendalikan bersama oleh KHEU, MOFE, KKBS, BIBD dan MWNBD.

PERANAN PENTING PARLIMEN MENENTUKAN HALA TUJU MASA DEPAN ASEAN



YANG Berhormat Yang Di-Pertua MMN mengetuai rombongan Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Perhimpunan Agung AIPA Ke-46.

>> Muka 1

Baginda turut menekankan bahawa parlimen memainkan peranan penting dalam menggubal dasar dan undang-undang yang mendorong kemajuan sosial, keadilan ekonomi dan kelestarian alam sekitar, di samping memperkukuh diplomasi antara parlimen untuk mendalami kerjasama dan keyakinan serantau.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya menzahirkan keyakinan bahawa AIPA akan terus menjadi tonggak penting dalam ASEAN, dengan parlimen memainkan peranan penting dalam membentuk sebuah rantau ASEAN yang lebih berdaya tahan, inklusif dan mampan demi

kesejahteraan rakyat dan generasi akan datang.

Rombongan Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib dan disertai oleh 12 Ahli MMN.

Hadir sama, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Huraiah serta pegawai-pegawai dari Urus Setia MMN.

Majlis Perasmian Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 telah berlangsung pada 18 September 2025 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Dalam ucapan perasmian, Yang Amat Berhormat menekankan peranan parlimen sebagai institusi yang menjamin akauntabiliti serta menyuarakan aspirasi rakyat.

Yang Amat Berhormat turut menekankan kepentingan memastikan penyertaan semua lapisan masyarakat termasuk belia, wanita, komuniti luar bandar dan golongan terpinggir, di samping mengekalkan integriti dan tadbir urus yang telus.



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ketika sesi bergambar ramai (atas). Manakala gambar bawah kiri, Majlis Perasmian Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Yang Amat Berhormat menyeru agar AIPA memainkan peranan lebih aktif melalui program dan inisiatif yang memberi manfaat nyata kepada rakyat, serta menekankan bahawa sentraliti ASEAN perlu terus dipelihara dengan menolak rasuah, mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan.

Yang Di-Pertua Dewan Perwakilan Rakyat Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul juga selaku Presiden AIPA di dalam ucapatanya menegaskan peranan parlimen dalam menyokong integrasi ASEAN melalui proses semakan dan penggubalan undang-undang.

Yang Berhormat menekankan bahawa legitimasi parlimen bergantung pada kemampuan menyuarakan aspirasi rakyat dengan memastikan undang-undang berasaskan prinsip keadilan, keterangkuman dan tadbir urus yang telus.

Presiden AIPA juga menekankan bahawa kepimpinan parlimen juga bagi membina jambatan untuk keamanan, kestabilan dan kemajuan inklusif di rantau ini.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Menjelang Wawasan Komuniti ASEAN 2045, Yang Berhormat menyeru pengukuhan hubungan AIPA dengan institusi ASEAN dan rakan luar serta memperluaskan penglibatan belia dan wanita dalam peranan parlimen.

Dalam Kenyataan Negara pada Sidang Plenari Pertama, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN menekankan bahawa parlimen sebagai suara rakyat memainkan peranan penting dalam menyokong hala tuju ASEAN melalui fungsi perundangan, pengawasan dan keterwakilan, termasuk bagi memastikan pertumbuhan serantau kekal inklusif dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat khususnya golongan rentan.

Yang Berhormat menegaskan bahawa pertumbuhan mampan perlu merangkumi aspek pembangunan ekonomi, penjagaan alam sekitar, keharmonian sosial dan tadbir urus yang baik.

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan menyediakan peluang yang lebih luas kepada belia, wanita, Orang Kelainan Upaya dan komuniti

terpinggir untuk terlibat dalam proses pembangunan.

Yang Berhormat mengemukakan bahawa Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 membincangkan isu-isu berkepentingan besar kepada pembangunan Komuniti ASEAN termasuk pemeraksanaan wanita dan belia, perubahan iklim, keterangkuman digital dan pertumbuhan ekonomi inklusif yang menjadi bidang keutamaan NBD dan akan terus didukung bersama dengan parlimen Ahli AIPA serta rakan-rakan ke arah pencapaian sebuah ASEAN yang lebih inklusif, aman dan makmur.

Terdahulu, beberapa acara telah diadakan termasuk Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif, Forum Politik Ahli Parlimen Wanita (WAIPA), AIPA-ASEAN Hearing dan Sesi Perbincangan Ahli Parlimen Muda (YPA).

Perhimpunan Agung pada hari-hari berikutnya diteruskan dengan mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa, sesi dialog dan sesi plenari, sebelum dirumuskan melalui Joint Communiqué pada penutup persidangan nanti.



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hasif Matzin



Program kelolaan KUPU SB dan Syarikat An Naafii Co. berkenaan antara lain bertujuan untuk menyantuni jiwa remaja dan pelajar melalui pendekatan dakwah yang santai, relevan dan menyentuh isi-isu kehidupan sebenar yang dihadapi oleh generasi muda masa kini.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

PENJAGAAN KESIHATAN BERKUALITI PENTING UNTUK IBU, ANAK BARU LAHIR

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 September. – Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) bersatu dengan komuniti global sempena Hari Keselamatan Pesakit Sedunia pada 17 September 2025, dengan mengangkat tema 'Penjagaan Yang Selamat Untuk Setiap Anak Damit Yang Baru Lahir dan Setiap Kanak-kanak'.

Sambutan berkenaan berfungsi sebagai platform yang penting JPMC untuk mengesahkan komitmennya yang tidak berbelah bahagi dan mempamerkan kemajuan ketara dalam melindungi pesakit yang paling terdedah di negara ini.

Data Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menekankan kepentingan misi ini dan pada 2022, dianggarkan 2.3 juta kanak-kanak meninggal dunia dalam tempoh 28 hari pertama kehidupan mereka. Ini menghubungkan kira-kira 6,500 kematian anak baru lahir setiap hari, satu peringatan bahawa akses kepada penjagaan kesihatan berkualiti adalah penting untuk ibu dan anak baru lahir di seluruh dunia.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, yang juga selaku Pengarah Eksekutif JPMC dalam perutusannya sempena Hari Keselamatan Pesakit Sedunia.

Menurut Yang Berhormat, data tersebut bukan sekadar statistik, tetapi ia adalah seruan untuk bertindak segera yang mana kami komited dengan teguh.

Yang Berhormat juga menekankan bahawa kewajipan hospital adalah mencerminkan

kepercayaan yang diberikan ibu bapa kepada mereka.

"Kewajipan kami untuk memastikan keselamatan mutlak adalah gambaran langsung kepercayaan yang diberikan ibu bapa kepada kami.

"Kami memenuhinya melalui penyelidikan yang disasarkan, pelaburan strategik dan menerapkan kualiti yang memenuhi piawaian antarabangsa yang paling ketat," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, tema tahun ini menyerlahkan keperluan pendekatan pelbagai disiplin. Penyepaduan strategik JPMC dengan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) pada 1 Januari 2025 telah mewujudkan visi yang bersatu untuk meningkatkan penjagaan pesakit melalui kerjasama yang dipertingkat, rangkaian perkhidmatan khusus yang lebih luas dan teknologi terkini.

Salah satu bukti kepada pendekatan berkenaan kata Yang Berhormat, ialah penyelidikan inovatif JPMC terhadap rawatan radioterapi untuk pesakit kanser yang hamil. Menyedari bahawa kemudahan yang berkaitan dengan ubat dan rawatan merupakan sebahagian daripada kesilapan yang boleh dicegah, sepasukan ahli fizik perubatan JPMC menjalankan kajian *phantom* yang inovatif.

Penyelidikan berkenaan jelas Yang Berhormat, berjaya membangunkan rangka kerja untuk meminimumkan pendedahan radiasi kepada anak dalam kandungan secara drastik semasa rawatan kanser ibu, sekali gus menunjukkan tindak balas langsung dan proaktif untuk



YANG Berhormat Menteri Kesihatan yang juga selaku Pengarah Eksekutif JPMC semasa sesi bergambar ramai.

memastikan keselamatan ibu dan anak dalam kandungan.

Selain penyelidikan kata Yang Berhormat, JPMC telah membuat pelaburan fizikal yang besar untuk mengurangkan risiko. Pada Disember 2024, hospital berkenaan melancarkan Wad Obstetrik dan Ginekologi (OBG) yang baharu diubah suai.

"Peningkatan strategik berkenaan menampilkan peralatan perubatan terkini, kolam air khas untuk pengurusan kesakitan semula jadi, dan bilik pesakit yang direka khusus dengan pencegahan dan kawalan jangkitan sebagai keutamaan.

"Selain itu, mengiktiraf anak baru lahir, kanak-kanak dan wanita hamil sebagai populasi yang terdedah, JPMC menyokong kuat untuk imunisasi rutin dan menguatkuasakan dasar ketat yang mengutamakan keselamatan mereka.

"Menyokong usaha berkenaan adalah komitmen menyeluruh terhadap amalan antarabangsa

terbaik," kata Yang Berhormat.

JPMC ujar Yang Berhormat lagi, baru-baru ini telah menjalani tinjauan lanjutan Joint Commission International (JCI) yang ketat untuk Perkhidmatan Perubatan Pakar, iaitu satu proses yang berfungsi sebagai pengesahan bebas terhadap kualiti dan amalan keselamatan pesakitnya. Penilaian berkenaan memberikan penekanan yang ketara pada piawaian penjagaan untuk populasi yang terdedah, termasuk ibu, anak baru lahir dan kanak-kanak.

Menurut Yang Berhormat, kajian WHO menekankan bahawa pengukuhan sistem keselamatan dengan cara berkenaan boleh menghalang sehingga 80 peratus daripada semua bahaya yang boleh dielakkan dalam penjagaan kesihatan.

Mengakhiri perutusannya, Yang Berhormat mengeluarkan seruan untuk kerjasama, mengulangi objektif WHO untuk memperkasa keluarga.

"Keselamatan adalah misi bersama. Kami memperkasakan ibu bapa untuk menjadi rakan kongsi yang aktif, bertanya soalan dan terlibat dalam setiap keputusan.

"Bersama-sama, kami boleh memastikan setiap kanak-kanak bukan sahaja bertahan tetapi berkembang maju.

"Pada 17 September, ketika dunia menyinari monumennya dalam warna jingga, JPMC berdiri teguh dalam komitmennya. Kami dengan bangganya mengesahkan ikrar kami untuk menjadi peneraju kebangsaan dalam keselamatan penjagaan kanak-kanak dan anak baru lahir, berdedikasi untuk menjamin masa depan yang lebih sihat dan cerah untuk kanak-kanak Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat lagi.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan pediatrik dan bersalin JPMC, lawati www.jpmc.com.bn atau hubungi talian di +673 2611433 sambungan 3000/3002.

Isu pemulihan dadah : Pentingnya penerimaan keluarga, masyarakat



■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

TUTONG, Jumaat, 19 September. – Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Maulidur Rasul dan bersempena dengan Hari

Pemulihan Antarabangsa, Biro Kawalan Narkotik (BKN) dengan kerjasama Jabatan Penjara, awal pagi tadi mengadakan Majlis

Ceramah Tazkirah bertempat di Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal.

Dalam ceramah yang disampaikan oleh penceramah undangan, Profesor Dr. Haji Abdul

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Tazkirah.

Somad bertajuk 'Sinar Menuju Pemulihan' bertepatan dengan tema Sambutan Hari Pemulihan Antarabangsa pada tahun ini, antara lain menekankan mengenai isu pemulihan dadah serta kepentingan penerimaan keluarga dan masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon.

Turut hadir, Pemangku Pengarah BKN, Pengiran Saiful Rizal bin Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Omar; Pemangku Pengarah Jabatan Penjara, Awang Bahrin bin Haji Mohammad Yassin; pegawai-pegawai kanan, jemputan

daripada pertubuhan bukan kerajaan, Rakan Seliaan, Jabatan Penjara, Orang Yang Di bawah Pengawasan (OYDP), Residen Skim Pelepasan Sementara Pusat Al-Islah dan ahli keluarga mereka serta masyarakat sekitar Mukim Keriam, Daerah Tutong.

Majlis didahului dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan diteruskan dengan ceramah tazkirah disampaikan oleh penceramah undangan.

Antara objektif utama majlis ceramah ini diadakan adalah untuk meningkatkan tahap penerimaan keluarga dan masyarakat terhadap bekas pesalah, di samping mengurangkan stigma terhadap mereka; seterusnya memberikan motivasi dan keyakinan diri kepada bekas pesalah bagi meneruskan kehidupan secara positif.

Dalam masa yang sama diharapkan juga agar ia dapat mengukuhkan peranan masyarakat dalam membantu proses pemulihan dan integrasi sosial serta untuk menyebarkan kesedaran dan nilai keinsafan melalui tazkirah yang disampaikan oleh penceramah agama yang berkualiti.

Menjamin kemakmuran negara mampan, kehidupan berkualiti tinggi

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Mesyuarat tersebut yang telah dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Republik Korea, Yang Berhormat Jeong Eun Kyeong dan telah membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan memanfaatkan kuasa Artificial Intelligence (AI) untuk persediaan masa depan dalam sistem kesihatan.

Selain itu, mesyuarat tersebut juga membincangkan mengenai mempromosi penuaan yang sihat dan aktif dalam kalangan anggota ekonomi APEC yang responsif terhadap penuaan dan memupuk kesihatan mental dan pemerikasaan dalam kalangan belia.

Semasa mesyuarat tersebut, dua peta-jalan 'Roadmap to Advance Dengue Prevention & Control in APEC Economies 2026-2030' dan 'Roadmap to Accelerate Cervical Cancer Elimination in APEC Economies 2026-2030' telah pun dilancarkan.


Roadmap to Advance Dengue Prevention & Control in APEC Economies 2026-2030 bertujuan untuk memacu kemajuan APEC ke arah matlamat global sifar kematian denggi yang boleh dicegah menjelang 2030 dan mengesyorkan bagi pengukuhan langkah pencegahan dan kawalan denggi dengan penglibatan kerjasama serantau dalam pembinaan kapasiti dan perkongsian pengetahuan serta

menggalakkan perkongsian pelbagai sektor untuk tindak balas denggi yang berkesan dan mampan.

Manakala Roadmap to Accelerate Cervical Cancer Elimination in APEC Economies 2026-2030 bertujuan untuk memacu kemajuan penghapusan kanser serviks dengan menekankan semula komitmen APEC terhadap penghapusan kanser serviks dan menangani cabaran pelaksanaan dan menyokong pengemudian dasar dan cabaran praktikal untuk mempercepatkan kemajuan ke arah mencapai sasaran WHO 90-70-90 menjelang 2030.

Seterusnya, mengenal pasti dan mempromosikan amalan terbaik merentasi kontinum pemberian perkhidmatan kanser serviks dan pemboleh sistemik yang mendukung penyampaian yang berkesan dan menggariskan Pelan Hala Tuju APEC untuk negara ahli membangun strategi yang dapat diguna pakai.

Mesyuarat telah pun meluluskan Kenyataan Bersama Mesyuarat Peringkat Tinggi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik mengenai Kesihatan dan Ekonomi Kali Ke-15 yang antara lain telah menguraikan persetujuan-persetujuan bagi menggalakkan penuaan sihat dan aktif dalam landskap demografi yang berubah, membina sistem kesihatan yang mampan dan meningkatkan kesihatan untuk semua.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menghadiri Mesyuarat Peringkat Tinggi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik mengenai Kesihatan dan Ekonomi Kali Ke-15 (15th Asia-Pacific Economic Cooperation High Level Meeting on Health and the Economy) dan Sidang Kemuncak Bio Sedunia Kali Ke-4 (4th World Bio Summit).

Seterusnya, memanfaatkan kesihatan digital dan AI untuk mentransformasikan sistem kesihatan, memperkukuh perkhidmatan kesihatan dan penjagaan kesihatan asasi berasaskan komuniti, rantai bekalan penjagaan kesihatan yang berdaya tahan dan cekap, meningkatkan kawalan kanser yang komprehensif sepanjang hidup, memperkukuh kesihatan mental dan kesejahteraan, mengukuhkan daya tahan sistem kesihatan kepada cabaran alam

sekitar disebabkan perubahan cuaca dan bencana alam, pendekatan pelbagai sektor untuk mencegah dan bertindak balas kepada kecemasan kesihatan awam masa depan dan memperkukuh kerjasama serantau.

Manakala, Sidang Kemuncak Bio Sedunia Kali Ke-4 yang bertemakan 'Dari Inovasi Kepada Akses : Inovasi Kesihatan untuk Semua, Di Mana Jua' (From Innovation to Access : Health Innovation for Everyone,

Everywhere) telah diadakan pada 17 September dan menumpukan perbincangan kepada menerokai arah tuju masa depan dan visi dalam bidang-bidang berkepentingan.

Bidang berkepentingan seperti inovasi AI dalam sektor bio-kesihatan, penubuhan bio-kluster untuk penyelidikan serta pengilangan yang stabil dan teknologi untuk menangani isu berkaitan penuaan yang semakin pantas dalam kalangan penduduk.

CAEXPO : PELUANG SYARIKAT TEMPATAN PAMER PRODUK, PERKHIDMATAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

NANNING, GUANGXI, Rabu, 17 September. — Perniagaan-perniagaan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang mengambil bahagian di Ekspo China-ASEAN Ke-22 (CAEXPO) sedang berusaha untuk memanfaatkan ketersambungan negara yang semakin berkembang dengan wilayah Guangxi, iaitu pusat hubungan Republik Rakyat China yang paling dekat dengan NBD sebagai pintu masuk strategik ke pasaran Republik Rakyat China yang lebih luas.

Sebanyak 12 perniagaan dari NBD yang terdiri daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), Syarikat Pelabur Langsung Asing (FDI) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) sedang mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Nanning dari 17 hingga 21 September 2025.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) memudah cara penyertaan NBD di tiga lokasi utama. Commodity Pavilion, iaitu platform utama untuk Negara-negara ASEAN menampilkan lapan perniagaan dari NBD.

ASEAN Hi-Tech Gallery mempamerkan EVYD Technologies dan dua syarikat pemula di bawah Brunei Innovation Lab, manakala Cities of Charm (COC) yang memfokuskan pelancongan mengetengahkan Muzium Alat Kebesaran Diraja dengan Darussalam Services bagi

menarik rakan pelancongan serta pembeli dari Republik Rakyat China.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah bersama Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid telah melawat reruai NBD selepas pelancaran CAEXPO.

Naib Pengerusi Jawatankuasa Persidangan Perundangan Politik Republik Rakyat China bagi Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Wang Naixue turut serta dalam lawatan berkenaan.

Perdagangan NBD - Republik Rakyat China terus berkembang sepanjang dekad yang lalu, mencapai rekod AS\$2.809 bilion pada 2024, meningkatkan keyakinan dalam kalangan perniagaan NBD untuk mengembangkan eksport ke Republik Rakyat China.

Hubungan terus diperkukuh dengan dengan pelancaran laluan kontena Teluk Muara-Beibu oleh Syarikat Pelabuhan Muara pada 2023 yang menyediakan laluan penghantaran terus antara NBD dan Guangxi.

"Kami menyertai CAEXPO tahun ini kerana kami sangat berminat untuk memanfaatkan hubungan laut yang dibuka oleh Syarikat Pelabuhan Muara antara NBD dan Guangxi.

"Barramundi kini mengeksport

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan melawat reruai Negara Brunei Darussalam selepas pelancaran Ekspo China-ASEAN Ke-22 (CAEXPO).

ke Republik Singapura, Hong Kong dan Republik Korea dan sebelum ini telah menembusi ke bandar-bandar Republik Rakyat China seperti Shanghai.

"Kami mengiktiraf pasaran kelas pertengahan Republik Rakyat China yang besar dan mewah sebagai pemacu pertumbuhan utama sambil kami terus meningkatkan pengeluaran di NBD.

"Peningkatan kesihatan yang semakin meningkat dalam segmen pasaran ini, ditambah dengan pertalian budaya untuk makanan laut, sejajar dengan matlamat kami," kata Pengurus Besar Barramundi, FDI dari Republik Singapura, Alex Chiam, yang menumpukan penternakan ikan barramundi mereka di NBD.

Bagi PMKS Sahamada, yang terkenal dengan sos jenama 'Cinta', ekspo berkenaan menawarkan peluang untuk mengukur sambutan pasaran terhadap barisan produk makanan laut dan keropok ikan yang lebih



baharu. Syarikat berkenaan baru-baru ini membuka kunci eksport pertamanya ke Republik Singapura dengan sokongan daripada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB).

"Pencapaian eksport kami baru-baru ini dengan LKEB telah memberi kami keyakinan untuk terus mengejar pasaran antarabangsa.

"Kami berada di sini untuk mencari rakan kongsi dan pengedar yang berpotensi dan untuk melihat bagaimana pasaran bertindak balas terhadap produk kami," kata Awang Mohd. Nur Khalid bin Haji Alias, anak kepada pengasas syarikat lebih 20 tahun lalu.

Di Commodity Pavilion, LKEB juga mempromosi eksport produk

tempatan sambil menonjolkan peluang FDI yang menggariskan sinergi untuk memudahkan kedua-dua fungsi dalam menyokong perjalanan kepelbagaian NBD dan membangunkan kelompok keutamaannya.

"Melalui platform seperti CAEXPO dan NBD-Guangxi Economic Corridor, kami melihat minat yang semakin meningkat daripada firma NBD dan Republik Rakyat China.

"Perkongsian ini akan melabur di NBD untuk mengukuhkan rantai nilai perindustrian, meningkatkan eksport, mewujudkan pekerjaan dan membina hubungan dengan PMKS," kata Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif LKEB, Daniel Leong.

AWANG ANANG MUHAMMAD FATHUR'RAHMAN JUARA PERTANDINGAN PIDATO KEBANGSAAN



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Rabu, 17 September. - Persembahan Pidato bertajuk 'Purih Brunei : Khazanah Warisan Yang Harus Disemai' membawa tuah buat Awang Anang Muhammad Fathur'rahman bin Anang Abdul Rahman dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah setelah diumumkan sebagai juara pada Pertandingan Peringkat Akhir Pidato Kebangsaan Brunei Darussalam sempena Sambutan Bulan Bahasa 2025 yang diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas.

Juara menerima wang tunai sebanyak BND800, piala pusingan, piala, sijil penghargaan dan buku terbitan DBP.

Sementara itu, Dayang Syafiqah

Mumtazah binti Haji Mohd. Arriffen dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Dayang Muslimah binti Mahadi, peserta persendirian, masing-masing menduduki naib juara dan tempat ketiga.

Pemenang naib juara memenangi wang tunai sebanyak BND600, plak, sijil penghargaan dan buku terbitan DBP; manakala pemenang tempat ketiga pula memenangi wang tunai sebanyak BND400, plak, sijil penghargaan dan buku terbitan DBP.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang (kiri dan atas).

Terdahulu itu, majlis dimulai dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan bacaan Surah Al-Fatihah serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku Pengerusi Pertandingan Pidato Kebangsaan Brunei Darussalam sempena Sambutan Bulan Bahasa 2025, dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, pidato bukan sekadar seni berucap tetapi seni pemikiran.

Tambahnya, keindahan pidato terletak pada pemilihan kata, laras bahasa dan daya pengaruhnya. Bahasa Melayu yang kaya dengan nilai estetika dan ragam baku

menjadi wahana menyampaikan ilmu, budaya dan pandangan bernas.

Menyentuh mengenai pertandingan berkenaan, Awang Suip seterusnya berkata ia membuktikan bahawa bahasa Melayu terus relevan dalam dunia pekerjaan dan kehidupan bernegara.

Jelasnya lagi, DBP akan terus komited memperkukuh kedaulatan bahasa Melayu sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei Darussalam 1959 bahawa bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara, melalui pelbagai program sepanjang tahun termasuk Kegiatan-kegiatan Bulan Bahasa, Pesta Buku Brunei, kerjasama MABBIM dan MASTERA, serta pemuliharaan khazanah manuskrip lama.

Seramai lima peserta berjaya mara ke peringkat akhir setelah melalui peringkat saringan yang diadakan pada Sabtu, 17 Zulhijah 1446 Hijrah bersamaan 14 Jun 2025 Masihi yang lalu.

Pertandingan Pidato Kebangsaan berkenaan turut diselenggarakan dengan Persembahan Sketsa Bahasa Melayu oleh Awang Mohd. Hairul bin Awang Haji Abdul Latiff dan diikuti dengan ulasan serta komentar daripada Pensyarah UBD, Awang Mohammed Zefri Ariff bin Mohammed Zain Ariff, selaku Ketua Panel Hakim.

Penilaian dilaksanakan melalui tiga aspek, iaitu penilaian isi atau idea, bahasa dan teknik serta penyampaian yang memerlukan nilai tambah dan pembaikan pada masa akan datang.

Antara objektif pertandingan berkenaan diadakan adalah bagi menyemarakkan dan menggemakan Sambutan Bulan Bahasa 2025, di samping meluaskan dan memantapkan pengetahuan, penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu standard yang betul dan tepat.

Selain itu, ia juga diadakan bagi membina pembangunan kapasiti untuk keyakinan diri dan kemahiran komunikasi berkesan agar mampu berucap di hadapan khalayak ramai, di samping menggalakkan remaja dan belia untuk berfikir, mengolah idea dan mengemukakan pendapat mereka berhubung sesuatu tema yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI labuh tirai

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 September. - Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun Pusat Da'wah Islamiah (PDI) bersempena Jubli Delima PDI yang diadakan selama dua hari bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah (BKISHHB) berakhir pada petang tadi dengan Majlis Penutup Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI bertempat di Dewan Auditorium, BKISHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Sebelum majlis penutup

bermula, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyaksikan Majlis Pengislaman bagi Dayang Rosnah binti Yusof, 30 tahun, puak Dusun di reruai pengislaman di Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI, Lobi Utama, BKISHHB.

Dayang Rosnah kini dikenali dengan nama Islamnya, Dayang Hanin Harishah binti Abdullah Yusof. Dengan berlangsungnya pengislaman berkenaan, statistik bagi orang yang memeluk agama Islam di negara ini ialah seramai 185 orang.

Sejurus itu, Majlis Penutup Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI dimulakan dengan bacaan

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun Pusat Da'wah Islamiah.

Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Da'ie, Skim Latihan Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), PDI, Awang Abdul Muiz bin Haji Jahair.

Acara kemudiannya diikuti dengan pembentangan Sidang Pleno yang disampaikan oleh tiga Ahli Sidang Pleno bertajuk 'Memperkasa Peranan PDI di Era Digital' yang disampaikan oleh Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Sementara itu, 'Strategi Da'wah Terkini : Relevan, Realistik dan Responsif' pula disampaikan oleh Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif, MyGuide Malaysia, Negeri Sabah, Malaysia, Yang Berbahagia Haji Nicholas Sylvester@Muhammad Abdullah.

Manakala pembentangan



'Strategi Da'wah Terkini di Kalangan Non-Muslim' pula dibentangkan oleh Presiden Persatuan Dayak Muslim, Kalimantan Barat, Republik Indonesia, Yang Terhormat Ustaz Muhammad Damanhuri SHI.SH.M.PD.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada Ahli Sidang Pleno yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, disusuli dengan penyampaian Resolusi Seminar kepada Pengarah PDI, selaku Pengerusi Jawatankuasa Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI sempena Jubli Delima PDI.

Majlis diakhiri dengan bacaan Tasbih Kaffarah Al-Majlis dan Surah Al-Asr oleh Awang Abdul Muiz.

Dengan penganjuran Seminar Da'wah berkenaan diharap dapat

memberi manfaat dalam meningkatkan kualiti gerakan dakwah khususnya di PDI serta mendorong perkembangan dakwah di negara ini seiring dengan keperluan semasa.

Begitu juga dengan Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI yang diharapkan dapat memberi impak positif kepada warga PDI, menginspirasi generasi baharu untuk terlibat dalam kegiatan dakwah serta menyumbang kepada masyarakat, di samping dijadikan sebagai pameran bergerak yang boleh diperkenalkan di pelbagai lokasi bagi meneruskan misi dakwah dan penyebaran ilmu, seterusnya menyemarakkan semangat dakwah ke seluruh pelusuk negara.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.



PEMBENTANGAN Sidang Pleno yang disampaikan oleh tiga Ahli Sidang Pleno.

BACAAN SURAH YAA SIIN, TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



SETIAUSAHA Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Timbalan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyertai Majlis Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa (kanan), manakala gambar atas, antara yang turut hadir ke majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 September. - Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, hari ini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda serta

anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Adapun majlis berkenaan adalah bersempena dengan Sambutan 50 Tahun Penuhuan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

Hadir menyertai pada majlis tersebut ialah Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim dan Timbalan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Rosli bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Md. Salleh berserta pegawai-pegawai kanan dari Pejabat Kebawah

DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa dipimpin oleh Pegawai Ugama, Pejabat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Awang Muhammad Syafie@Firdaus bin Tasad.

Persidangan ketengahkan transformasi landskap ancaman keselamatan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri



DELEGASI Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara menghadiri Persidangan 2025 Global Public Security Cooperation Forum Lianyungang (kiri), manakala gambar kanan, Yang Mulia Dato Seri Paduka semasa melawat Balai Polis di Xi'an.

LIANYUNGANG, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 18 September. - Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diketuai oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu yang juga selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKN) telah menghadiri Persidangan 2025 Global Public Security Cooperation Forum Lianyungang (GPSCFL) yang diadakan di Kota Lianyungang, Wilayah Jiangsu, Republik Rakyat China pada 16 hingga 17 September 2025.

Persidangan GPSCFL merupakan sebuah acara tahunan anjuran bersama oleh Kementerian

Keselamatan Awam, Republik Rakyat China dan China Association for Friendship di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Rakyat China.

Tema GPSCFL pada tahun ini akan membincangkan transformasi dalam landskap ancaman keselamatan di peringkat serantau dan antarabangsa termasuk trend-trend jenayah yang terkini seperti jenayah siber dan penganasan.

Turut berangkat dan menyertai delegasi NBD ke persidangan kali ini ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia DCP Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang),

JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad; Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail serta Pegawai-pegawai Kanan JPM.

Acara perasmian GPSCFL telah diadakan pada Rabu, 17 September 2025 di Haizhou Bayview Conference Centre di Kota Lianyungang, Republik Rakyat China.

Hadir bagi merasmikan Persidangan GPSCFL 2025 ialah State Councillor and Minister for Public Security, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wang Xiaohong.

Semasa acara perasmian tersebut, ucapan-ucapan juga telah disampaikan oleh Presiden INTERPOL, Tuan Yang Terutama

Ahmed Naser Al-Raisi dan Undersecretary - General, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Jean-Pierre Lacroix.

Terlebih dahulu, delegasi NBD telah mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan Member of the Party Committee and Director of the Political Department, Kementerian Keselamatan Awam, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Jia Lijun.

Semasa Mesyuarat Dua Hala tersebut, delegasi NBD dan Republik Rakyat China telah menzahirkan rasa berpuas hati atas hubungan kerjasama yang akrab di antara kedua-dua buah negara khususnya di dalam bidang keselamatan.

Dalam hubungan ini, NBD dan

Republik Rakyat China akan terus menerokai peluang-peluang untuk mengukuhkan lagi jalinan kerjasama di dalam menangani isu-isu kepentingan bersama seperti jenayah penipuan dalam talian, penyeludupan dan penyalahgunaan dadah serta penggunaan teknologi terkini di dalam bidang kepolisian.

Dalam hubungan ini, delegasi NBD juga telah mengunjungi Public Security Tech Expo yang diadakan sempena Persidangan GPSCFL kali ini. Sebelum menghadiri Persidangan GPSCFL di Kota Lianyungang, delegasi NBD juga telah mengadakan lawatan ke Kota Xi'an di Wilayah Shaanxi, Republik Rakyat China pada 12 hingga 15 September 2025.

Lawatan ini adalah di atas jemputan Kementerian Keselamatan Awam Wilayah Shaanxi dan ia merupakan susulan kepada Lawatan Rasmi Vice-Governor Wilayah Shaanxi ke NBD, Tuan Yang Terutama Dai Binbin, pada bulan Mac 2025.

Semasa lawatan tersebut, delegasi NBD telah mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Kementerian Keselamatan Awam Wilayah Shaanxi dan seterusnya menyaksikan teknologi-teknologi terkini seperti Case Management System dan Traffic Control System yang digunakan oleh pihak Kementerian di Wilayah Shaanxi.

Delegasi juga turut berpeluang untuk melawat Xi'an Drug Control Education Base untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pendekatan inovatif yang digunakan oleh pihak Kementerian Keselamatan Awam untuk menangani isu penyalahgunaan dadah di Kota Xi'an.



MEMBINA KELUARGA BAHAGIA BERPANDUKAN AL-QURAN, AL-HADIS

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Khamis 18 September.

— Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Badan Ugama Islam (BUI), PPDB telah mengadakan Majlis Ceramah sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan Solat Sunat Hajat khusus bagi penuntut-penuntut yang akan menduduki peperiksaan akhir tahun di Surau Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin.

Turut hadir ialah pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai pemerintah, ketua formasi, kakitangan awam serta anggota-anggota PPDB.

Majlis dimulakan dengan Solat Sunat Hajat, bacaan Selawat

Tafriyyah dan Saiyyidul Istighfar.

Solat Sunat Hajat dan Doa Khas adalah untuk memohon syafaat Allah Subhanahu Wata'ala bagi penuntut-penuntut yang bakal menghadapi peperiksaan akhir tahun ini.

Majlis berkenaan juga diharap dapat mengukuhkan jalinan ukhuwah dalam kalangan masyarakat serta mendekatkan hubungan antara PPDB.

Seterusnya, ceramah sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Tauladan Keluarga, Sakinah, Mawaddah dan Warahmah' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Pegawai Perkembangan Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan Solat Sunat Hajat khusus bagi penuntut-penuntut yang akan menduduki peperiksaan akhir tahun di Surau Polis Gadong.

Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Antara inti pati ceramah menekankan contoh terbaik Rasulullah dalam membina keluarga bahagia dan harmoni melalui amalan kasih sayang, kerjasama dan berpandukan Al-Quran serta Al-Hadis.

Doa Selamat dibacakan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohd Yusri bin Haji Abu Bakar bagi memberkati majlis berkenaan.

Penganjuran majlis seumpama berkenaan dapat memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan penuh keberkatan, di samping memohon taufik dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala agar para penuntut diperudahkan dalam peperiksaan dan berjaya dengan cemerlang.

SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Ceramah berkenaan.



HALUAN

>> Muka 2

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras". (Surah Ibrahim, ayat 7)

Demikianlah sembah Hamba Duli Tuanku dengan menjunjung ampun jua jika silap tutur kata dan salah suruk langkah.

Sebelum mengakhirinya Hamba Duli Tuanku menjunjung perkenan untuk dengan hormat dan takzim menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan adinda Duli Tuanku Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, yang diketahui sangat memberi perhatian kepada ehwal pendidikan dan isu-isu sosial dan kebajikan, termasuklah turut sama mengikuti dan perkembangan Institut Tahfiz yang setiap tahun sejak ditubuhkan telah melahirkan graduan-graduannya. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa merahmati Duli Yang Teramat Mulia sekeluarga dengan nikmat sihat dan bahagia.

Demikian juga junjung kasih dan terima kasih kepada sekalian dif-dif kehormat, ibu bapa dan keluarga graduan, warga Institut Tahfiz sekalian dan hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



KKBS anjur Sambutan Maulud Nabi

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi (kiri), manakala gambar kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh penceramah undangan, Penolong Ra'es III, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 September. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah menganjurkan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Digadong, KKBS.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran

Haji Ali Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Guru Ugama Tingkat II, Pusat Pembangunan Belia, Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan, KKBS, Awang Haji Masfourteen bin Awang Haji Mohd. Yusof.

Kemudian majlis diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Rasulullah Suri Teladan Kitani' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Penolong Ra'es III, Hal Ehwal Pelajar dan

Alumni, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk yang mana mengupas peranan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh terbaik dalam membina keluarga yang sakinah, mawaddah dan rahmah serta bagaimana akhlak Baginda dapat menjadi panduan dalam menghadapi cabaran keluarga masa kini seperti tekanan ekonomi, pengaruh media sosial dan gejala sosial remaja.

Majlis diakhiri dengan Dikir Marhaban, Selawat Tafriyyah dan Sayyidul Istighfar secara beramai-ramai.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua bahagian dan jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan, KKBS, Ahli-ahli Persatuan Belia, Ahli-ahli Persatuan Sukan, Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas dan Pertubuhan Warga Emas.

Majlis ini merupakan antara

Program Tahunan Keagamaan anjuran KKBS yang bertujuan untuk memeriahkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping itu, ia juga diadakan bagi mengingatkan jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan syiar Islam, seterusnya menyemai rasa kasih dan cinta terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



KHATAM AL-QURAN RAIKAN 59 MURID SEKOLAH AL-FALAAH



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 September. - Sekolah Al-Falaah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran digabungkan dengan Haul Allahyarham Ustaz Saiyed Ibrahim Aal-Taaher Al-Husainiy iaitu mantan penasihat sekolah serta Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad. Majlis dimulakan dengan

Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang bertujuan untuk mendoakan kejayaan murid-murid Tahun 6 dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2025, kesejahteraan bagi yang sedang sakit, keselamatan negara serta penyatuan umat Islam diimamkan oleh salah seorang guru Sekolah Al-Falaah, Haji Tamam Hasan Agha.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Guru Sekolah Al-Falaah, Shah Ali Muhammad bin Haji Yusof dan bacaan Surah Ad-Duha hingga Surah Al-Masad oleh 59 murid-murid khatam iaitu 28 lelaki

dan 31 perempuan.

Sementara itu, bacaan Surah Al-Ikhlâs hingga Surah An-Naas serta Tahlil dipimpin oleh Azuar Anas Muhammad Fitri yang juga merupakan guru Sekolah Al-Falaah disusuli dengan bacaan Asmaul Husna dan Doa Khatam Al-Quran oleh murid Tahun 6, Muhammad Aadam Mazhuud bin Mohammad Noor Affendy.

Majlis diserikan lagi dengan qasidah-qasidah dan Selawat Al-Qiyam diketuai oleh guru Sekolah Al-Falaah, Muammar Abduh Amin dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dipimpin oleh murid Tahun 6, Mohammad Mufti Sa'ad Al-Azri bin Ulul Azmi.



PENGARAH Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran digabungkan dengan Haul Allahyarham Ustaz Saiyed Ibrahim Aal-Taaher Al-Husainiy (atas), manakala gambar atas kiri dan bawah, antara pelajar yang menyertai majlis tersebut.



52 pelajar NBD selamat tiba di Republik Arab Mesir

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal
Ugama

KAHERAH, MESIR, Jumaat, 19 September. - Seramai 52 pelajar Negara Brunei Darussalam (NBD) terdiri dari 22 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan yang akan melanjutkan pengajian di Republik Arab Mesir selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kaherah pada pukul 12.10 tengah hari waktu tempatan kelmarin.

Pelajar-pelajar tersebut akan melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar dan Mahad Qiraat Shoubra, Republik Arab Mesir.

Daripada jumlah tersebut, seorang pelajar melanjutkan pengajian melalui penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; enam pelajar melalui penganugerahan Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama; lima pelajar melalui Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP); manakala 40 orang lagi melalui pembiayaan persendirian.

Rombongan berkenaan telah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan menaiki pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) B1873 menuju ke Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur kelmarin, sebelum meneruskan penerbangan dengan menaiki pesawat Qatar Airways ke Lapangan Terbang Antarabangsa



PARA pelajar Negara Brunei Darussalam yang akan melanjutkan pengajian di Republik Arab Mesir selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kaherah.

Hamad, Qatar, dan seterusnya berlepas dan selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kaherah, Republik Arab Mesir.

Ketibaan rombongan pelajar disambut oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Kedutaan Besar NBD di Kaherah, Republik Arab Mesir, Setiausaha Kedua, Awang Muhammad Raihan bin Abdul Kadir; Ataci (Pelajaran dan Kebudayaan), Awang Haji Mohd. Sujairi bin Haji Dollah dan Pegawai Kesejahteraan Penuntut, Awang Haji Shahwardy bin Haji Hamdan.

Sesi pengajian bagi para pelajar berkenaan dijadualkan bermula pada awal bulan Oktober.

DARIPADA jumlah tersebut, seorang pelajar melanjutkan pengajian melalui penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; enam pelajar melalui penganugerahan Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama; lima pelajar melalui Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP); manakala 40 orang lagi melalui pembiayaan persendirian.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Akhlaq Rasulullah : Cermin Diri Seorang Mukmin'. Tarikh Tutup : 24 September 2025
- 2.'Menjaga hutan, menyelamatkan masa depan'. Tarikh Tutup : 1 Oktober 2025
- 3.'Teknologi dan masa depan pendidikan anak bangsa'. Tarikh Tutup : 8 Oktober 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

IBTE TERIMA SUMBANGAN KENDERAAN



TUNGKU, Jumaat, 19 September. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) menganjurkan Majlis Penyerahan Sumbangan Kendaraan Wuling Formo di

Dewan Serbaguna, Kampus Mekanikal IBTE, Tungku, hari ini. Majlis tersebut menyaksikan Syarikat Premier Motor Sdn. Bhd., yang merupakan pengedar tunggal

KETUA Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli hadir selaku tetamu kehormat menerima kendaraan Wuling Formo daripada Pengarah Syarikat Premier Motor Sdn. Bhd., Teng Chee How.

kendaraan Wuling di negara ini, menyerahkan sebuah kendaraan Wuling Formo kepada IBTE.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penyerahan sumbangan tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli. Kendaraan tersebut diserahkan secara rasmi oleh Pengarah Syarikat Premier Motor Sdn. Bhd., Teng Chee How kepada tetamu kehormat.

Dalam ucapannya, Dr. Haji Mohd. Zamri menyampaikan penghargaan kepada Premier Motor Co. Sdn. Bhd., dengan menggambarkan sumbangan tersebut sebagai lebih daripada sekadar penyediaan sebuah

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

kendaraan malah ia melambangkan jambatan antara pendidikan dan industri dan merupakan bukti kerjasama yang erat dan berterusan antara IBTE dan rakan industri yang dihargai.

Sumbangan tersebut, jelas beliau, bertujuan untuk menyokong pelajar kejuruteraan automotif IBTE, dengan memberikan mereka pengalaman *hands-on* secara langsung dalam sistem kendaraan, penyelenggaraan dan diagnostik.

Dengan akses kepada Wuling Formo, pelajar akan dilengkapi dengan lebih baik dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memenuhi permintaan industri automotif yang semakin meningkat, tambahnya.

Manakala Teng Chee How menjelaskan pendidikan dan industri harus berjalan seiring. "Dengan menyumbangkan sebuah Wuling Formo kepada IBTE, kami berharap dapat memainkan

peranan dalam memupuk generasi profesional automotif yang mahir di Brunei," terangnya.

Sumbangan berkenaan mencerminkan perkongsian jangka panjang Syarikat Premier Motor Sdn. Bhd. dengan IBTE melalui program perantisan, lampiran industri dan pembangunan kurikulum serta sumbangan mereka sebelum ini berupa kendaraan latihan yang masih digunakan aktif sehingga kini.

Inisiatif terbaru berkenaan dijangka dapat meningkatkan kompetensi pelajar, memperbaiki kesiapan industri dan seterusnya mengukuhkan lagi kerjasama antara IBTE dan Syarikat Premier Motor Sdn. Bhd.

Sumbangan kendaraan berkenaan diharap dapat memperkukuh lagi peluang pembelajaran praktikal para pelajar dalam bidang kejuruteraan automotif di institut terbabit.

Mengukuhkan perpaduan melalui amalan membaca Al-Quran



SESI gambar ramai pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Ahli Tadarus Subuh Masjid Kampung Sungai Besar.

Sehubungan itu, menurutnya, amalan membaca dan menghayati Al-Quran berjemaah juga mampu melahirkan komuniti yang erat dan memupuk kesalingfahaman persaudaraan.

Hadir dan menyertai majlis berkenaan ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan seterusnya bacaan Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas yang dikepalai oleh Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin yang turut memimpin bacaan Takhtim dan Doa Khatam.

Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Muhd Hazman bin Haji Mohd. Hairol Azme membaca Doa Khatam dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya membaca Doa Tahlil.

pembaca," jelas Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Ahli Tadarus Subuh Masjid Kampung Sungai Besar, di sini.

Beliau yang juga Penasihat I, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Sungai Besar berkata bahawa dalam konteks kehidupan bermasyarakat, perpaduan adalah kunci kepada kesejahteraan dan keharmonian.

manfaat besar dari sudut sosial dan kemasyarakatan.

"Melalui ibadah bertadarus Al-Quran secara berjemaah, sudah tentu akan melahirkan saling mengenali serta mempereratkan hubungan silaturahim jemaah dan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar

KAMPUNG SUNGAI BESAR, Jumaat, 19 September. - Amalan membaca Al-Quran menjadi

tuntutan ibadah bagi mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala di samping memberi

Penerbangan kedua pelajar NBD tiba di Republik Arab Mesir

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

KAHERAH, MESIR, Jumaat, 19 September. - Susulan ketibaan penerbangan pertama rombongan pelajar dari Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Arab Mesir kelmarin, penerbangan kedua yang membawa seramai 57 orang pelajar turut selamat tiba hari ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Kaherah pada pukul 12.10 tengah hari waktu tempatan.

Rombongan tersebut terdiri daripada 36 orang pelajar lelaki dan 21 orang pelajar perempuan yang akan melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar dan Mahad Qiraat Shoubra, Republik Arab Mesir.

Seorang pelajar akan melanjutkan pengajian melalui penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; sembilan orang pelajar melalui penganugerahan Biasiswa

PENERBANGAN kedua yang membawa seramai 57 orang pelajar turut selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kaherah.

Kementerian Hal Ehwal Ugama; empat orang pelajar melalui Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP); dan 43 orang pelajar melalui pembiayaan persendirian.

Rombongan telah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan menaiki pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI873 menuju Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur petang kelmarin, sebelum meneruskan penerbangan dengan menaiki pesawat Qatar Airways ke



Lapangan Terbang Antarabangsa Hamad, Qatar dan seterusnya berlepas dan selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kaherah, Republik Arab Mesir.

Ketibaan rombongan pelajar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kaherah turut disambut oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Kedutaan Besar NBD di Kaherah,

Republik Arab Mesir.

Sementara itu, dua lagi pelajar lelaki akan berlepas ke Republik Arab Mesir bagi tujuan yang sama pada Ahad, 21 September ini.

41 BELIA DAERAH BELAIT SERTAI PROGRAM LITERASI PENERANGAN

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto: Alishahrin Haji Mumin



BERAKAS, Khamis, 18 September. - Sebagai salah satu usaha untuk menyampaikan maklumat rasmi dan hasrat kerajaan kepada golongan belia, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Cawangan Penerangan Daerah

Belait, Bahagian Cawangan Daerah, menganjurkan Program Literasi Penerangan bagi Belia Mukim Daerah Belait selama dua hari bermula hari ini sehingga 20 September 2025.

Program tersebut disertai seramai 41 belia yang terdiri

daripada Belia Majlis Perundingan Mukim (MPM), Belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) serta belia dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir juga selaku Pengerusi Program dalam ucapannya menjelaskan bahawa program berkenaan merupakan antara usaha strategik Jabatan Penerangan dengan pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government.

Ia dihasratkan melahirkan belia yang berilmu, berakhlak, siaga menghadapi cabaran masa depan serta mampu menyumbang ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Beliau turut menyentuh mengenai tentang pentingnya peranan belia dalam membangun negara, memupuk kerjasama dan perhubungan erat di antara para



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan program tersebut (kiri). Manakala gambar atas, bawah kiri dan bawah kanan, antara peserta Program Literasi Penerangan bagi Belia Mukim Daerah Belait.

belia dan peringkat akar umbi serta memahami maksud mengenai Dasar Belia 2020-2035.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan program tersebut yang berlangsung di Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Sepanjang program peserta didedahkan dengan pelbagai maklumat semasa yang antaranya menyentuh pembangunan dan isu

semasa belia dan dasar kerajaan, melalui pengisian taklimat, pelaksanaan aktiviti interaktif serta lawatan ke beberapa agensi terpilih.

Jabatan Penerangan dalam memantapkan lagi visi 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' akan sentiasa mempelbagaikan platform pembarigaan maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan di samping memberikan peluang untuk Jabatan Penerangan untuk lebih memahami lagi kehendak semasa dalam kalangan belia.



Pupuk minat seni kaligrafi Islam

■ Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Belia Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 September. - Majlis Belia Brunei baru-baru ini telah menganjurkan lawatan pendidikan untuk 38 kanak-kanak dan belia dari Kampung Sungai Pandan, Kampung Lurong Dalam, Kampung Pandai Besi dan Kampung Pekan Lama ke Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassan al Bolkiah (YSHHB).

Lawatan berkenaan adalah

sebahagian daripada Projek Muqaddam, iaitu salah satu inisiatif di bawah Projek #INFAQ1, yang didedikasikan untuk menyokong komuniti yang kurang bernasib baik melalui program pendidikan dan berasaskan komuniti.

Para peserta dialu-alukan oleh kakitangan di pusat kaligrafi berkenaan, yang memberikan pengenalan bermaklumat mengenai seni kaligrafi Islam.

Berikutan itu, para peserta

berpeluang menyertai aktiviti secara langsung, termasuk menjejak tulisan Jawi dan menyaksikan demonstrasi secara langsung oleh penulis kaligrafi Khat, mempamerkan kemahiran dan kehalusan seni kaligrafi tersebut.

Lawatan berkenaan menawarkan para peserta pengalaman pembelajaran praktikal, di samping bertujuan untuk menimbulkan minat mereka dalam seni kaligrafi dan tekniknya.



LAWATAN berkenaan adalah sebahagian daripada Projek Muqaddam, iaitu salah satu inisiatif di bawah Projek #INFAQ1, yang didedikasikan untuk menyokong komuniti yang kurang bernasib baik melalui program pendidikan dan berasaskan komuniti.

3 warga asing didakwa

■ Siaran Akhbar :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 September. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengongsikan tiga sesi pendakwaan yang telah dijalankan bagi kes di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh.

Keterangan kes pendakwaan adalah seperti berikut, iaitu sesi pendakwaan terhadap Joanne Baysa Umipig, seorang perempuan warganegara Republik Filipina berumur 56 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama sembilan bulan dan denda sebanyak BND1,000 sebagai ganti kepada sebatan.

Walau bagaimanapun, individu berkenaan gagal untuk membayar denda yang dikenakan dan digantikan dengan hukuman penjara selama satu bulan yang menjadikan jumlah hukuman pemenjaraan beliau kepada 10 bulan. Hukuman berkuat kuasa pada 3 September 2025.

Manakala, sesi pendakwaan terhadap Md. Oasim Mia, seorang lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh berumur 34 tahun adalah kes peralihan daripada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Individu berkenaan mengaku bersalah dan telah pun dijatuhkan hukuman penjara selama 10 bulan dan tiga kali sebatan. Hukuman berkuat kuasa pada 10 September 2025.

Sementara, Ahmad Fauzi, seorang lelaki warganegara Republik Indonesia berumur 43 tahun mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara selama enam bulan dan tiga kali sebatan. Hukuman berkuat kuasa pada 10 September 2025.

Berikutan dengan kes-kes pendakwaan berkenaan, JIPK memberikan peringatan kepada orang ramai terutamanya warganegara asing bahawa tinggal lebih masa di negara ini merupakan satu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh membawa kepada hukuman penjara dan sebatan.

JIPK mengalu-alukan kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan pesalah-pesalah imigresen untuk menghubungi terus ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



GURU PEMANGKIN PENDIDIKAN LESTARI & INOVASI



KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 26 RABIULAWAL 1447H / 19 SEPTEMBER 2025M

JUMAAT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

19/9/2025



GURU bukan sahaja mengajar tapi mendidik sehingga menjadikan pelajar itu berilmu, berakhlak dan bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara

GURU hendaklah **mencontohi sifat-sifat Rasulullah S.A.W** dalam mendidik umat Baginda

Baginda tidak merendahkan orang yang jahil tetapi mendidik dengan kasih sayang

Baginda menyampaikan ilmu mengikut tahap kefahaman dan kemampuan para sahabat

Islam mengangkat martabat guru sebagaimana yang telah dikhabarkan oleh Rasulullah S.A.W dalam sebuah hadis, Daripada Abu Umamah al-Bahili R.A, Rasulullah S.A.W bersabda:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَأَهْلَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ حَتَّى النَّمْلَةِ فِي جُحْرِهَا وَحَتَّى الْخُوتِ لَيَصَلُّونَ عَلَى مُعَلِّمِ النَّاسِ الْخَيْرِ

Sesungguhnya Allah S.W.T dan para MalaikatNya dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehinggakan semut di sarangnya dan ikan di lautan pasti berselawat (mendoakan) kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia (Hadis riwayat Imam Tirmizi)

Guru adalah sebagai tokoh utama yang mendorong perubahan positif dalam sistem pendidikan ke arah yang lebih berdaya tahan, inklusif dan berteraskan nilai-nilai murni



Guru hendaklah bijak menggabungkan teknologi moden dengan nilai-nilai murni Islam bagi memastikan pendidikan kekal relevan dengan zaman tanpa mengorbankan akhlak dan peradaban Islam



**BUAT INSAN YANG
BERGELAR GURU
DAN PENDIDIK**

Sama-samalah kita berdoa ke hadrat Allah agar mereka sentiasa istiqamah serta diberikan kekuatan dan kesabaran dalam mendidik dan membimbing anak watan. Semoga Allah mengurniakan ganjaran pahala yang berpanjangan serta rahmat kepada para guru dan pendidik. Amin ya Rabbal Alamin.



Guru pemangkin pendidikan lestari dan inovasi

Apabila kita memperkatakan tentang ilmu dan pendidikan, maka para guru dan para pendidik adalah golongan yang amat penting dan bertanggungjawab dalam menyampaikan, mengajar, memperkaya dan memperkasa para pelajar serta masyarakat dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan juga kemahiran sehingga menjadi insan yang berilmu, berjaya dan berakhlak mulia.

Manakala bagi siapa yang berusaha mencari ilmu pengetahuan pula ganjarannya adalah besar iaitu akan dipermudahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk masuk ke syurga. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu dia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa menempuh jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan memudahkannya jalan ke syurga baginya". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Guru adalah insan yang menyampaikan ilmu dan membentuk sahsiah peribadi seseorang. Mereka bukan sahaja mengajar tetapi mendidik sehingga menjadikan pelajar itu berilmu, berakhlak dan bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

Guru hendaklah mencontohi sifat-sifat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mendidik umat Baginda. Baginda mengajar umatnya dengan hikmah, kesabaran dan rahmat. Baginda tidak pernah merendahkan orang yang jahil tetapi mendidik mereka dengan kasih sayang. Baginda menyampaikan ilmu mengikut tahap kefahaman dan kemampuan para sahabat. Inilah kaedah pendidikan berkesan yang patut diteladani oleh para guru hari ini.

Dalam dunia yang penuh cabaran ini, pendidikan hendaklah bersifat berdaya tahan. Berdaya tahan bermaksud mampu bangkit semula setelah diuji, terus berdiri walaupun berhadapan dengan tekanan serta mempunyai sistem nilai yang kukuh. Maka yang demikian itu menjadikan

peranan guru semakin besar dan mencabar, bukan sahaja menyampaikan ilmu akademik tetapi juga membentuk jiwa pelajar yang kuat, berintegriti, bersemangat waja dan berakhlak mulia. Oleh kerana peranan dan tanggungjawab guru itu sangat besar, maka Allah Subhanahu Wata'ala dalam sebuah hadis, daripada Abu Umamah Al-Bahili Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala, para malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehinggalah semut di sarangnya dan ikan (di lautan) pasti berselawat (mendoakan) kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Pada setiap 23 September di Negara Brunei Darussalam, merupakan tarikh yang cukup bermakna bagi insan yang bergelar guru, tarikh tersebut dipilih adalah bagi mengiktiraf sumbangan dan jasa guru terhadap agama, bangsa dan negara. Pada tahun ini, tema Hari Guru ialah 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi'.

Guru adalah sebagai tokoh utama yang mendorong perubahan positif dalam sistem pendidikan ke arah yang lebih berdaya tahan, inklusif dan berteraskan nilai-nilai murni. Guru juga menggalakkan pemikiran kreatif dan inovatif dalam kalangan pelajar dengan mendorong mereka menyelesaikan masalah secara kritis dan menghasilkan buah fikiran baharu dan berimpak tinggi. Guru adalah pendidik jiwa dan sahsiah pelajar yang mengutamakan pembentukan akhlak mulia, pembangunan potensi pelajar yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Guru juga berperanan dalam melahirkan generasi pelajar yang bukan sahaja berilmu tinggi, malah prihatin, beretika dan bersedia menghadapi cabaran masa depan. Mereka memberikan pendidikan berkualiti yang berpanjangan dan mampu memenuhi

keperluan masa kini tanpa mengabaikan generasi akan datang. Guru hendaklah bijak menggabungkan teknologi moden dengan nilai-nilai murni Islam bagi memastikan pendidikan kekal relevan dengan zaman tanpa mengorbankan akhlak dan peradaban Islam.

Sesungguhnya guru yang melaksanakan peranan sebagai pemangkin pendidikan yang berkualiti, kreatif dan inovatif akan berupaya melahirkan pelajar yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran tinggi tetapi juga berakhlak mulia, beretika dan memiliki kesedaran untuk menyumbang secara mampan kepada agama, bangsa dan negara. Guru berperanan membina kesedaran sivik dan memupuk sikap prihatin terhadap masyarakat serta alam sekitar, sejajar dengan prinsip Maqasid Syariah. Guru juga menjadi teras kepada pencapaian falsafah pendidikan negara serta pembentukan generasi yang berkualiti, seimbang dari sudut duniawi dan ukhrawi serta bersedia menerajui masa depan dengan jati diri yang kukuh.

Buat insan yang bergelar guru dan pendidik, sama-samalah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar mereka sentiasa istiqamah serta diberikan kekuatan dan kesabaran dalam mendidik dan membimbing anak watan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan ganjaran pahala yang berpanjangan serta rahmat kepada para guru dan pendidik, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu : "Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain)," Maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : "Berdirlah," hendaklah kamu berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan". (Surah Al-Mujadalah, ayat 11)

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Alaq, ayat 1-5 :

Tafsirnya : "Bacalah (wahai Nabi Muhammad) dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku. Bacalah dan Tuhanmu Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia menulis) dengan kalam (pena). Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya".

Ilmu adalah pelita hidup yang amat penting dan sangat berguna dalam kehidupan kita. Ini kerana ilmu akan dapat membantu kita berjaya di dunia dan juga di akhirat.

Suntik minat pelajar dalam bertutur bahasa Arab



PEMANGKU Penolong Pengarah (Profesional), Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin hadir selaku tetamu khas majlis (kanan), manakala gambar atas dan bawah kanan, antara pelajar yang menyertai Pertandingan Masrahiyyah Arabiyyah tersebut.

Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

BANDAR SERI BEGAWAN, menyahut titah Kebawah Duli Yang Khamis, 18 September. - Ke arah Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kepentingan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar, Bahagian Kokurikulum, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi menganjurkan Pertandingan Masrahiyyah Arabiyyah (Sketsa Bahasa Arab) Kali Ke-11 bertempat di Dewan Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SARIPAD).

Hadir selaku tetamu khas majlis bagi sama-sama menyaksikan pertandingan berkenaan ialah Pemangku Penolong Pengarah (Profesional), JPI, KHEU, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin.

Pertandingan tersebut dibuka kepada pelajar-pelajar Sanah Tahun 7 dan 8 dari persekolahan Arab dengan tujuan utama pertandingan adalah untuk menyuntik minat pelajar dalam bertutur menggunakan bahasa Arab, di samping mengasah kemahiran berkomunikasi dan lakonan dalam kalangan mereka.

Selain itu, pertandingan ini bertujuan memperluaskan aktiviti pelajar yang berteraskan bahasa Arab serta meningkatkan kreativiti dan semangat kerja berpasukan.

Dengan adanya pertandingan seumpamanya, ia juga diharap dapat menjadi pendorong kepada pelajar untuk terus mencintai bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan agama.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak

Download on the App Store | Get it on Google Play

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهُ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَاَلْاَرْضِ
مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَاَخْفَاهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَاَلْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ
اَلْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ اَلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
اَلْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اِلٰهٍ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kamil! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّي لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يثغ ممباوا كبراونتوغن ساعت بسر كقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

SUMBANGAN DERMA RINGKANKAN BEBAN GOLONGAN MEMERLUKAN



PEMANGKU Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Mohammad Nizam bin Haji Julaihi menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada dua keluarga yang terpilih.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Rancangan Perumahan Negara Kawasan II Kampung Mentiri

MENTIRI, Rabu, 17 September. - Memupuk budaya sifat saling bantu-membantu sesama saudara Islam yang melahirkan sifat pemedulian dan kasih sayang antara satu sama lain memang menjadi budaya yang sangat positif di negara ini.

Ia bukan sahaja meningkatkan keharmonian masyarakat malah dari sudut agama, amalan menghulur sedekah sangat disanjung dan dijanjikan pahala yang berlipat ganda malah sebagai bekalan amalan di akhirat kelak.

Sehubungan itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK), Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri dan Biro Wanita MPK telah menyampaikan sumbangan derma kepada dua keluarga Ahli MPK berkenaan.

Sumbangan derma berkenaan disampaikan oleh Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Mohammad Nizam bin Haji Julaihi pada majlis yang berlangsung di sebuah restoran di Kampung Sungai Hanching.

Menurut Awang Haji Nizam, sumbangan berkenaan merupakan salah satu aktiviti Biro Keagamaan MPK sebagai rasa prihatin kepada Ahli-ahli MPK dan penduduk kampung berkenaan dalam sama-sama membantu meringankan beban mereka yang dilanda dukacita.

Terdahulu dari itu, majlis bermula dengan bacaan tahlil yang dipimpin oleh Ketua Biro Keagamaan MPK RPN II, Kampung Mentiri, Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin.

Memperkukuh perpaduan keluarga melalui solat berjemaah



PROGRAM berkenaan telah mengambil tempat di Masjid Kampung Salambigar, Mukim Berakas 'B', dengan jumlah peserta seramai 130 orang.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Khamis, 18 September. - Bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai kewajipan menunaikan ibadah solat walaupun dalam keadaan kesihatan yang terbatas, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Salambigar mengukuhkan Program Pengukuhan Institusi Kekeluargaan melalui Bimbingan Imam dan Makmum dalam Keluarga Siri Ke-2 yang dikendalikan secara berkala sebulan sekali.

Program khas berkenaan diadakan pagi tadi bertempat di Masjid Kampung Salambigar, Mukim Berakas 'B'.

Terdahulu, program seumpama berkenaan telah pun diadakan di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop pada Ogos yang lalu.

Program berkenaan memberi tumpuan kepada penjelasan kaedah pelaksanaan solat bagi individu yang mengalami sakit atau keterbatasan pergerakan, berpandukan hukum syarak dan panduan yang telah digariskan dalam agama Islam.

Bagi edisi kali ini, program memfokuskan kepada bimbingan mengenai solat orang sakit serta praktikal yang disampaikan oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Seramai 130 peserta telah menyertai program berkenaan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari JHEM, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital RIPAS; Balai Polis Berakas, Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Bomba dan Penyelamat; Kementerian Pembangunan dan Syarikat Takaful Brunei.

Turut hadir sama ialah AJKT Masjid Kampung Salambigar, Muslimah serta jemaah masjid berkenaan.

Program berkenaan dianjurkan bagi memperkukuh perpaduan keluarga melalui solat berjemaah, di samping memberi pendedahan mengenai rukhsah solat agar kewajipan tetap terpelihara walau dalam kesulitan.

Selain itu, ia juga bertujuan menerapkan nilai kemasyarakatan seperti ketaatan makmum kepada imam serta mengimarahkan masjid sebagai pusat penyebaran ilmu.

Program Pengukuhan Institusi Kekeluargaan melalui Bimbingan Imam dan Makmum dalam Keluarga Siri Ke-2 akan diteruskan pada tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

Pupuk semangat kebersamaan, perkukuh kerjasama global



MAJLIS Perasmian 2025 Media Cooperation Forum on Belt and Road diadakan di Lecture Hall, Haigeng Convention Centre, Kunming, Republik Rakyat China.

Berita dan Foto: Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

KUNMING, Rabu, 17 September. - 2025 Media Cooperation Forum on Belt and Road membuka tirainya hari ini pada majlis perasmian yang diadakan di Lecture Hall, Haigeng Convention Centre, Kunming, Republik Rakyat China.

Forum yang bertemakan 'Shared

Media Responsibility for Exchanges and Mutual Learning Among Civilizations' berkenaan mengumpulkan lebih 200 perwakilan media *terrific* daripada 165 agensi media daripada 87 buah negara.

Vice Chairman of Standing

Committee of National People's Congress, Republik Rakyat China, Zheng Jianbang dalam ucapan perasmian menekankan akan kepentingan Belt and Road Initiative yang telah membuahkan hasil yang memberangsangkan dan menjadi salah satu platform untuk mempererat kerjasama global.

Beliau seterusnya menambah, agensi-agensi media seluruh dunia seharusnya komited untuk terus menanam semangat kebersamaan, belajar bersama, berdialog dan inklusif sesama masyarakat.

Pada majlis perasmian berkenaan turut diserikan dengan persembahan - persembahan kebudayaan.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian Anugerah The Second Silk Road Global News untuk empat kategori, iaitu Kategori Anugerah Liputan Terbaik, Kategori Fotografi Terbaik, Kategori Video Terbaik dan Kategori Inovasi Terbaik.

Penyertaan anugerah berkenaan telah dibukakan pada April 2024 dan telah menerima hampir 5,000 penyertaan dari 110 buah negara.

Daripada jumlah berkenaan, sejumlah 58 hasil karya daripada 37 buah negara diiktiraf.

Pada sebelah petang pula, forum diteruskan dengan ucpatama daripada beberapa perwakilan media dan perdagangan antarabangsa.

Forum antarabangsa berkenaan telah berjaya diadakan sebanyak sembilan kali sejak dimulakan pada 2014 dan telah disertai oleh lebih 1,000 perwakilan media antarabangsa dari lebih 100 buah negara.

Melalui forum berkenaan, perwakilan media seluruh dunia berpeluang untuk bertukar-tukar fikiran serta pandangan di samping memperkukuh rangkaian dan kerjasama sekali gus komited dalam memajukan kerjasama Belt and Road Initiative untuk pembangunan bersama.

PLATFORM BERKONGSI KEPIMPINAN, PENGURUSAN, PENTADBIRAN SEKOLAH

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 September. - Seramai 15 orang daripada guru-guru dari Selangor, Malaysia mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) dan Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB), di sini.

Ketibaan rombongan telah

dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad.

Rombongan guru-guru berkenaan dibawa melawat ke Bilik ICT, Makmal Sains dan dewan sekolah. Selain itu, rombongan juga berpeluang menyaksikan persembahan gulintangan, mengikuti sesi pengajaran Science, Technology, Engineering,



ROMBONGAN guru-guru dari Selangor, Malaysia melawat ke Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kiri), manakala gambar atas, rombongan tersebut dijemput untuk sesi bergambar ramai.

Art, Mathematics (STEAM), Matematik dan juga lawatan ke TASKA.

Antara objektif lawatan berkenaan diadakan adalah untuk berkongsi tentang kepimpinan, pengurusan dan pentadbiran yang berkesan selain mempelajari aspek pembangunan, pengurusan dan silibus sekolah.

Di samping itu, ia juga memberikan pengalaman dan

pengetahuan baharu untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah.

Lawatan penanda aras berkenaan adalah satu program yang dilaksanakan oleh guru-guru dari sekolah Shah Alam dengan kerjasama Syarikat Aznur Musafir Services sebagai pemudah cara perjalanan untuk melawat, berkongsi idea dan pengalaman serta mewujudkan interaksi dua hala di antara Malaysia dengan

Negara Brunei Darussalam (NBD).

Guru-guru dapat mengenal pasti kekuatan sumber dan anggota organisasi yang sedia ada serta menjalinkan silaturahim dan bertukar-tukar idea dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik dan pengurusan yang berkaitan.

Guru-guru dapat pendedahan dan idea baharu dari sekolah luar negara khususnya seperti NBD.

DARI MAHKAMAH

Ceroboh, curi : Wanita warga asing dipenjarakan 18 bulan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 September. - Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan hukuman penjara 18 bulan terhadap seorang perempuan warga Malaysia berusia 37 tahun, Hani Noraini binti Abdullah Changai (defendan) selepas mengaku bersalah atas dua pertuduhan mencerooboh dan mencuri.

Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Musawwir bin Haji Mahli semasa membentangkan butiran kes, mendedahkan bahawa pada 2 November lalu, defendan telah mencerooboh masuk sebuah bangunan di Jalan Kilanas Mulaut, Kampung Kilanas.

Defendan menganggap bangunan itu telah ditinggalkan dan memasukinya dengan niat dan tujuan untuk mencari barang-barang sekali gus melakukan pencerobohan di premis tersebut.

Pada pukul 4.30 pagi, seorang pekerja yang ditugaskan untuk mengawal bangunan tersebut mendengar bunyi di pintu masuk dan mendapati individu 'A' berjalan di sekitar kawasan bangunan tersebut dalam keadaan mencurigakan dengan membawa barang.

Selepas itu, pekerja tersebut dan rakannya kemudiannya bersemuka dengan individu 'A', D1 dan defendan lalu menyaoal mereka apa yang mereka sedang lakukan. Siasatan polis membawa kepada penahanan defendan, di mana beliau mengaku memasuki bangunan tersebut.

Sementara pada 27 Oktober 2024, individu 'B' dan defendan telah membeli sebuah kereta Nissan Sunny daripada Kujik Lagur dan defendan telah membayar dengan harga BND200.

Namun, pada 21 Oktober 2024 kira-kira pukul 6.00 petang, seorang lelaki (pengadu)

mendapati Nissan Sunny Ex Saloon 1.6 berwarna hitam hilang. Mengesyaki bahawa keretanya telah dicuri, beliau terus membuat laporan polis.

Usaha dan siasatan polis kemudiannya membawa kepada penangkapan dan penglibatan individu 'B' dan defendan. Semasa siasatan, defendan mengaku bahawa dia sedar bahawa Nissan Sunny tersebut adalah barang curi

kerana kereta tersebut tidak mempunyai *blue card*.

Siasatan polis mendedahkan bahawa barang-barang milik pengadu di dalam kereta tersebut ketika dicuri ialah wang tunai berjumlah BND2,600; Kad Debit BIBD atas nama pengadu dan pasport Bangladesh.

Siasatan polis hanya berjaya menemui semula kereta, Nissan Sunny Ex Saloon 1.6 berwarna

hitam yang telah dikenal pasti oleh pengadu sebagai miliknya.

Semasa siasatan polis, didapati nombor pendaftaran asal kereta Nissan Sunny telah ditukar oleh individu 'B' kepada nombor yang lain. Selain itu, didapati nombor casis Nissan Sunny tersebut juga turut ditukar. Dalam rekod, defendan mempunyai satu sabitan lampau atas kesalahan terhadap harta.

Minggu Kesihatan UBD 2025 menggalakkan gaya hidup sihat

Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Rabu, 17 September. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan menganjurkan Minggu Kesihatan UBD 2025 (UBD Healthy Week 2025) dari 21 hingga 25 September 2025, bertempat di Central Lecture Theatre (CLT) Foyer dan Library Learning Commons, Perpustakaan UBD.

Inisiatif berkenaan dianjurkan bersama oleh Centre for University Life and Wellness (UniHEALTH) dan Campus Asset Management and Planning for University Life (CAMPUS) sebagai sebahagian daripada komitmen UBD dalam memupuk gaya hidup sihat dan seimbang dalam kalangan komuniti kampus dan masyarakat amnya.

Bertemakan 'Kesedaran Kesihatan Untuk Kehidupan Universiti : Ambil Tanggungjawab, Hidup Sihat' (Health Awareness for University Life: Take Charge, Live Healthy), program berkenaan bertujuan menekankan kepentingan para pelajar dan kakitangan

mengambil tanggungjawab terhadap kesihatan mereka, dengan menyedari bahawa kesejahteraan diri berkait rapat dengan prestasi akademik, produktiviti dan kualiti hidup.

Majlis Perasmian akan berlangsung pada Ahad, 21 September 2025 dan akan disempurnakan bersama oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; dan Naib Canselor, UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Sepanjang lima hari penganjuran, pelbagai aktiviti akan dilaksanakan termasuk saringan kesihatan percuma untuk pengesanan awal dan kesedaran, pameran dan ruai maklumat berkaitan gaya hidup sihat, sesi ceramah dan bengkel kesihatan mental yang sesuai dengan kehidupan universiti serta aktiviti kecergasan berkumpulan dan pertandingan berkaitan kesihatan bagi menarik penglibatan para pengunjung.

Selain itu, para pengunjung

juga berpeluang menyaksikan persembahan kebudayaan oleh pelajar UBD, termasuk Persembahan Gulintangan dan nyanyian, di samping menikmati pilihan makanan dan minuman yang disediakan oleh vendor tempatan sepanjang acara berlangsung.

Minggu Kesihatan UBD (UBD Healthy Week) bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai cabaran kesihatan yang lazim seperti tekanan (stres), kurang tidur dan tabiat pemakanan yang tidak sihat di samping memberi ilmu pengetahuan dan strategi praktikal demi kesejahteraan jangka panjang.

Selain itu, ia juga berfungsi sebagai platform untuk menggalakkan tindakan awal dan penjagaan sendiri, agar warga UBD boleh menjadi contoh teladan gaya hidup sihat dalam masyarakat yang lebih luas.

Acara berkenaan terbuka kepada warga UBD dan orang awam. Untuk maklumat lanjut, sila layari @ubdbuzz dan @unihealth.ubd di Instagram.

USAHA, DEDIKASI, KOMITMEN HASILKAN KEJAYAAN

DAYANG Noor Deenina binti Haji Mohamed Salleh.

Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

BERAKAS, Rabu, 17 September. - Bersama menggendong amanah dan tanggungjawab untuk meningkatkan prestasi diri sekali gus memelihara imej universiti dalam terus memperkasa dunia institusi pengajian tinggi di negara ini, begitulah antara prinsip yang menjadi pegangan insan-insan yang diraikan pada Majlis Anugerah Cemerlang 2025 bersempena Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei (UTB) Ke-13 bagi Tahun 2025.

Majlis Anugerah Cemerlang 2025 yang berlangsung pagi tadi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas itu sememangnya dihasrat untuk memotivasikan para penerima yang terdiri daripada para kakitangan tenaga akademik dan juga bukan akademik serta mahasiswa dan mahasiswi UTB lebih jauh dan memberi inspirasi dan contoh kepada warga universiti mahupun masyarakat luar.

Dalam kemeriahan majlis berkenaan, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual salah seorang penerima Anugerah Staf Cemerlang di bawah Kategori Anugerah Cemerlang Dalam Pengajaran, Dayang Noor Deenina binti Haji Mohamed Salleh, 37 tahun, antaranya meluahkan jiwa kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penganugerahan itu yang mana penghargaan ini mengingatkan dirinya bahawa pengajaran bukanlah satu proses sehalu bahkan hakikatnya tanpa peluang untuk mengajar dan



belajar daripada para pelajar, segala pencapaian pada hari ini tidak akan dapat diraih. "Apa yang pasti keingintahuan, kreativiti dan penglibatan pelajar-pelajar itu sentiasa mencabar saya untuk berkembang dan memperbaiki diri. Saya juga amat berterima kasih atas sokongan rakan sekerja dan staf di UTB, yang mana dengan dorongan mereka telah membolehkan saya menyumbang dengan bermakna kepada Sekolah Pengkomputeran dan Informatik serta universiti secara keseluruhan," ujarnya yang merupakan seorang Pensyarah di Sekolah Pengkomputeran dan Informatik dan juga Timbalan Pengarah Centre for Research and Agri-Food Technology (CrAFT), UTB.

Dayang Noor Deenina yang sudah berkhidmat di UTB selama 11 tahun turut menambah bahawa sepanjang menempuhi liku-liku perjalanan kerjaya, dirinya sentiasa berusaha untuk mereka bentuk tugas dan projek yang berkaitan dengan isu-isu sosial semasa dan, jika boleh, melibatkan kerjasama industri. Jelasnya, selain daripada pengajaran, beliau juga menyusun karya pelajar untuk dipamerkan di Instagram

AWANG Muhammad Syahmi Al-'Azim.



Creative Computing, bagi menonjolkan nilai program mereka. Bekerjasama rapat dengan rakan sekerja memainkan peranan penting dalam meningkatkan keterlihatan keseluruhan Creative Computing serta menarik minat pelajar masa depan untuk menyertai program ini. "Secara peribadi, saya menghargai pembelajaran daripada kesilapan, penambahbaikan melalui maklum balas yang diterima, dan saya menggalakkan pelajar saya melakukan perkara yang sama. "Saya mengingatkan mereka bahawa bilik darjah adalah ruang selamat untuk melakukan kesilapan, mencuba, dan berkembang. Segala kemahiran juga dapat membantu membina keyakinan dan ketahanan mereka untuk menghadapi kerjaya masa depan," tekan beliau.

Dalam pada itu, Dayang Noor Deenina juga dengan kerendahan hati memberi saranan bersama khususnya kepada rakan sekerja dan golongan pelajar agar sentiasa bersikap terbuka dan sanggup belajar daripada orang lain, tidak kira umur atau pengalaman. "Tiada siapa yang mengetahui segalanya, dan sebab itulah kita mesti berani bertanya, belajar daripada kesilapan, dan menerima maklum balas yang membina. Pertumbuhan diri datang daripada kesiediaan untuk menyesuaikan diri dan memperbaiki diri dan saya berharap orang lain akan mengamalkan pendekatan ini untuk mencapai kejayaan pada masa akan datang," ucapnya. Turut ditemu bual

pada majlis berkenaan ialah Dayang Siti Zuhairah binti Haji Brahim yang merupakan graduan dalam jurusan Sarjana Sains (Secara Kursus) dalam Kejuruteraan Sumber Air dan Alam Sekitar yang mana telah menerima dua anugerah University Excellence Award dan juga Postgraduate Best Research Project Award.

Beliau yang juga merupakan pelajar melalui Skim Latihan dalam Perkhidmatan antaranya mengongsikan secara peribadi inilah hasil dan bukti bahawa segala usaha, dedikasi dan juga komitmen yang telah dirinya berikan sepanjang pengajian telah membuahkan hasil yang sangat memuaskan dan membanggakan. Ia juga adalah pencapaian beliau yang terbaik sepanjang mengikuti pengajian di UTB daripada Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dan juga Sarjana Muda. "Keikhlasan dalam menuntut ilmu itu adalah penting, semakan dalam diri bahawa tujuan sebenar menuntut ilmu ialah untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan. Hargailah ilmu-ilmu yang telah dikongsikan oleh pensyarah dan tenaga pengajar. Selain daripada usaha, iringilah hari-hari kita dengan doa, dan mintalah doa dan restu daripada ibu bapa agar mendapat berkat dalam menuntut ilmu. Selebihnya bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala," tekannya.

Dayang Siti Zuhairah turut menambah bahawa anugerah ini merupakan sesuatu yang berharga dalam perjalanan akademiknya dan ia akan terus dijadikan sebagai motivasi dan juga pendorong semangat dalam apa saja bidang yang diceburi. "Anugerah projek yang telah saya peroleh insyaaAllah, hasil daripada kajian ini, akan saya



DAYANG Siti Zuhairah binti Haji Brahim.

aplikasikan dan mempraktikkan dalam tugas harian untuk meningkatkan lagi kualiti kerja dan seterusnya untuk membantu mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035," ujar beliau. Sementara itu, penerima Anugerah Cemerlang Universiti dan

Projek Capstone Terbaik di majlis berkenaan, Awang Muhammad Syahmi Al-'Azim, 22 tahun yang merupakan seorang graduan Sarjana Muda di bawah Sekolah Perkomputeran dan Informatik, Sarjana Muda Dalam Perkomputeran Data Analitik, Tahun 2022-2025 mengungkapkan rasa kegembiraan dan ia menjadi motivasi besar untuk meneruskan usaha di samping anugerah itu sebagai bukti yang universiti memberikan sokongan kepada pelajar untuk makin berkembang. "Sentiasa konsisten, percaya proses dan terus berusaha jangan sesekali berputus asa, serta yakinkan akan kebolehan diri sendiri untuk melakukan kerja yang lebih baik dari hari ke hari, itulah antara prinsip yang saya amalkan sepanjang menuntut ilmu," kongsi.

Awang Muhammad Syahmi Al-'Azim turut menaruh harapan tulus anugerah ini akan menjadi pendorong untuk dirinya membina kerjaya dalam bidang data dan teknologi, serta menggunakan apa yang dipelajari untuk memanfaatkan masyarakat.

Memupuk semangat, motivasi pelajar sebelum hadapi peperiksaan



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Khamis, 18 September. - Bagi melahirkan murid-murid yang cemerlang melalui pengukuhan kefahaman ilmu mata pelajaran agama di samping memupuk semangat serta motivasi murid Darjah VI sebelum menghadapi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU), Jawatankuasa

Pemimpin Sekolah-sekolah Agama (JKPSSU) Kawasan Brunei II 'A' petang tadi mengadakan Program Hubbul Ilmi.

Program berbentuk pertandingan kuiz berkenaan menyasarkan murid-murid Darjah VI sekolah-sekolah Agama Kawasan Brunei II 'A', dan diadakan di Dewan Serbaguna



KETUA Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Azman bin Haji Jaya hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), manakala gambar atas, suasana berlangsungnya Program Hubbul Ilmi.

Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Azman bin Haji Jaya.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan

alu-aluan oleh Pengerusi JKPSSU Kawasan Brunei II 'A', Awang Abu Samah bin Haji Mohd. Said.

Selain pertandingan kuiz, beberapa aktiviti menarik turut diadakan dan kemudiannya penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Program merupakan salah satu inisiatif JKPSSU Kawasan Brunei II

'A' dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran murid agar mampu berinteraksi dengan baik, berfikir secara mendalam dan teliti dalam menyelesaikan masalah, di samping memupuk sikap saling menghormati dan mengeratkan silaturahim antara murid-murid sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei II 'A'.



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BL / Q / 2025-21

Kerja-Kerja Penggantian Karpet Lantai Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BL / Q / 2025-22

Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Secara Berkontrak Bagi Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja Dan Bangunan Pejabat MCT, Cawangan Muara, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam Selama Tempoh Dua (2) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BL / Q / 2025-23

Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Secara Berkontrak Bagi Pos Kawalan Sungai Tujoh, Cawangan Daerah Belait Dan Tutong, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam Selama Tempoh Dua (2) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BL / Q / 2025-19

Kerja-Kerja Membaikpulih Kenderaan Kerajaan Milik Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BL / Q / 2025-20

Kerja-Kerja Pemeliharaan (Servicing) Kenderaan Milik Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Kod Tawaran:
BFRD / LTK / 04 / 2025-2026

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery, Testing And Commissioning Of Portable Pump With Related Accessories Over A Period Of 3 Years For The Fire And Rescue Department

Bilangan Kod Tawaran:
BFRD / LTK / 05 / 2025-2026

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery, Testing And Commissioning Of Self-Contained Breathing Apparatus (SCBA) And Compressed Air Cylinder Over A Period Of 3 Years For The Fire And Rescue Department

Tender Fee:
BND30.00
(Tiga Puluh Ringgit Sahaja)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 62 / BPPK / 16

Tajuk Sebut Harga:
Two (2) Years Term Contract To Supply And Delivery Lubricating Oil For 2-Stroke Engine Oil (2T) For Seksyen Keindahan Dan Kebersihan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis,
25 September 2025
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Bahagian Pemeliharaan Dan Kenderaan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Di Tingkat 2, Bangunan Pejabat Unit Khidmat Bantu Dan Pemeliharaan, Spg 594, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan.



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 39

Tajuk Tawaran:
Storytelling Workshop For Tourist Guide – Brunei Heritage River Cruise Trail

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
9 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 37

Tajuk Tawaran:
To Provide Photography and Videography Media Coverage Service for United Nations (UN) Tourism, 18th – 20th November 2025"

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
2 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 36

Tajuk Tawaran:
Event Management Services For Networking Session Between Brunei Darussalam, Thailand And Vietnam Travel Agencies,

15 November 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
2 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga:
(106) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Perkhidmatan Memotong Rumput Di Tempat, Kawasan, Sekitar Dan Sekeliling Bangunan Asal Serta Tambahan Serta Penjagaan Pokok Dan Tanaman Landskap Secara Berkontrak Di Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
25 September 2025,
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN RADIO TELEVISYEN
BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 85 / 25 - 26
The Design, Manufacture and Supply of the Commemorative Medal for the Golden Jubilee TV of Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
1 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang





**JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Bagi:

1. Membekal dan Menghantar Jenis-Jenis Kipas Angin Elektrik (RUJ: JBP / TSH / 26 / 2025 - 2026)
2. Membekal dan Menghantar Barang-Barang Pembersih (RUJ: JBP / TSH / 27 / 2025 - 2026)
3. Membekal dan Menghantar Rescue Boots (RUJ: JBP / TSH / 28 / 2025 - 2026)
4. Memotong, Menjahit dan Membekal Field Dress Camouflage Complete With Reflector dan Wording (RUJ: JBP / TSH / 29 / 2025 - 2026)
5. Membekal dan Menghantar Songkok Melayu (RUJ: JBP / TSH / 30 / 2025 - 2026)
6. Membekal dan Menghantar T-Shirt Round Neck Complete With Wording (RUJ: JBP / TSH / 31 / 2025 - 2026)
7. Membekal dan Menghantar Beret (RUJ: JBP / TSH / 32 / 2025 - 2026)
8. Term Contract For Janitorial Services At MTO Workshop, Balai Bomba Beribi For One (1) Year Period (RUJ: JBP / TSH / 33 / 2025 - 2026)

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
25 September 2025
(1.50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00



**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 11 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pembekalan Tujuh (7) Unit Sistem Kamera Litar Tertutup



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tawaran No. 01

To Supply and Install New VRF Aircon Cassette Units & Lighting for VIP Corridor Walk Way Complex Building at Brunei International Airport
AME / 2025-2026 / SH-55
(Kelas III atau ke atas)

Tawaran No. 02

Airfield Ground Lighting Maintenance Works to Runway & Taxiway at Brunei International Airport
AME / 2025-2026 / SH-56
(kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 03

Term Contract for One (1) Year Civil Works Maintenance at Department of Civil Aviation - FSOR
AME / 2025-2026 / SH-59
(kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 04

Term Contract for 12 Months Maintenance Work on Roofing Leakages at Brunei International Airport - FSOR
AME / 2025-2026 / SH-60
(kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 05

Term Contract for One (1) Year Terminal Building Civil Works Maintenance, Brunei International Airport - FSOR
AME / 2025-2025 / SH-61
(kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
9 September 2025,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
23 September 2025,
Selasa
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
24 September 2025,
Rabu



(CCTV)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
24 September 2025
Jam 2.00 Petang

Tajuk Tawaran:

The Supply And Delivery Of Portable Push To Talk Device Bundle With LTE At Brunei International Airport
ATELS / 2025 / SH-16

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
10 September 2025,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
23 September 2025,
Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
24 September 2025,
Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan
Belia Dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

Kenyataan Tawaran

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
07 / 2025 / KKBS / PPB / 07
(R)
Terms Contract 12 Months To Supply, Delivery And Commissioning Of Materials For Vehicle Body Repair Course At Youth Development Centre, Ministry Of Culture, Youth And Sports.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
25 September 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0026 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Install CCTV At Marine Biodiversity Centre, Meragang

Tarikh Tutup :
Khamis, 25 September 2025



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / CCTV(D) /
2025-2026

**Sebut Harga Bagi Membekal Dan
Memasang Sistem Pengawasan
CCTV Bagi Zon 'D'**
1. Sekolah Ugama Penanjong.
2. Sekolah Ugama Sengkarai.
3. Sekolah Ugama P.A.P. Norain

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / CCTV(E) /
2025-2026

**Sebut Harga Bagi Membekal Dan
Memasang Sistem Pengawasan
CCTV Bagi Zon 'E'**
1. Sekolah Arab Belait
2. Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan S.O.A.S., Kuala Belait
3. Sekolah Ugama P.A.P. Rashidah Sa'adatul Bolkliah, Seria.
4. Sekolah Ugama Sungai Taring, Lumut

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu 16 Rabiulakhir 1447H /
8 Oktober 2025M
Jam 2.00 Petang



**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0027 / 2025

Maintenance, Repair And Transfer Of The Existing Four (4) Units Of Marker Anchorage Main Bouys From The Existing Temporary Berthing Anchorage Area To New Designated Berthing Anchorage Area Of The Commercial Fishing Vessels, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis 2 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Sebut Harga / Tawaran Bagi
Perbekalan Jabatan Tanah,
Kementerian Pembangunan**

**Tawaran Kerja-Kerja
Pemeliharaan Bangunan
Jabatan Tanah, Jabatan Ukur
Dan Jabatan Perancang Bandar
Dan Desa, Kementerian
Pembangunan, Negara Brunei
Darussalam Bagi Tempoh
Selama 12 Bulan**

Bilangan:
11 / 2025-2026

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 September 2025
Jam 2.00 Petang



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**MAKLUMAN
TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditidakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 306 / 2019

BIBD At-Tamwil Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Rozaeni Bin Haji Kamis
[BYIC NO. 00-275512]
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **17 Julai 2025**.

Nama dan alamat Bankrap:
Rozaeni Bin Haji Kamis
No. 656,
Kampung Negalang Ering,
Rumah Persinggahan Seri
Negalang,
Daerah Temburong.
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
4 Jun 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada
Bankrap yang tersebut di atas
hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
yang boleh. Semua hutang-hutang
yang seharusnya dibayar oleh
Bankrap tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh:
21 Julai 2025

Kes No.
BCY / CP / 148 / 2021

BIBD At-Tamwil Berhad
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Haji Mohammad Shukri Bin
Haji Zaini
BYIC NO. 00-266507
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **3 Julai 2025**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui:**
**Haji Mohammad Shukri Bin Haji
Zaini**

No. 10, Kampung Puni,
Bangar, Temburong, PA 3751
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
20 Disember 2021

Semua Sipiutang-sipiutang kepada
nama Penghutang yang tersebut
diatas hendaklah menghadapkan
borang-borang bukti hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar kepada Penghutang

tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei
Darussalam.**

Bertarikh:
22 Julai 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di Bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **3 Julai 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8),
Mahkamah Besar pada 29
September 2025 jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **29 September 2025 jam
9.30 pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga
sebab kegagalannya.

Bertarikh:
22 Julai 2025

**Muhammad Syafiq Bin Awang
Haji Zakaria**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 353 / 2012

Baiduri Finance Berhad
(Previously Filed By HSBC
Finance (B) Berhad)
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Nurul Yulianawati Binti
Mohammad
(BYIC NO. 00-289068)
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut pada
**8 November 2014 telah
dibatalkan pada 17 Julai 2025.**

Nama Penghutang:
Nurul Yulianawati Binti Mohammad

Alamat Penghutang:
No. 10, Simpang 59-10,
RPN Kampung Mentiri,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
22 Julai 2025

Nurul Hidayah Binti Hamdan
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.

BCY / CP / 91 / 2014

BIBD At-Tamwil Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Norhaizal Binti Abd Razak
[Kad Pengenal Brunei No.
00-290389 - Kuning]
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **17 Julai 2025**.

Nama dan alamat Bankrap:
Norhaizal Binti Abd Razak,
No. 1, Jalan Durian,
Kampung Burong Pingai,
Berakas BB3313,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
23 Jun 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada
Bankrap yang tersebut di atas
hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
yang boleh. Semua hutang-hutang
yang seharusnya dibayar oleh
Bankrap tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.**

Tarikh:
23 Julai 2025

Kes No.
BCY / CP / 168 / 2017

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Awang Samat Bin Abd Ghani
[Kad Pengenal Brunei No.
00-275145 - Kuning]
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **10 Julai 2025**.

Nama dan alamat Bankrap:
Awang Samat bin Abd Ghani,
No. 21, Simpang 13,
Jalan 88, Kampung Lambak
Kanan,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
3 Jun 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada
Bankrap yang tersebut di atas
hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
yang boleh. Semua hutang-hutang
yang seharusnya dibayar oleh
Bankrap tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.**

Tarikh:
22 Julai 2025

Kes No.
BCY / CP / 408 / 2016

BIBD At-Tamwil Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

**Muhammad Rasyid Bin
Muhammad Hussini**
[Kad Pengenal Brunei No.
00-287185 - Kuning]



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan** (Sesuai / pengat sora sahaja / kelang kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (Sesuai / pengat sora sahaja / kelang kelulusan)
4. **Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang"** di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. **Lengkapkan Maklumat** (Sesuai / pengat sora sahaja / kelang kelulusan)

Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn | [Tulis WhatsApp](https://www.whatsapp.com/channel/00000000000000000000) | [Suruhanjaya Perkhidmatan Awam](https://www.whatsapp.com/channel/00000000000000000000) | PSC.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PENGAWAS KENDERAAN TINGKAT I PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/SEP/01/KKW	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	27 SEPTEMBER 2025
2. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KEMENTERIAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2025/SEP/02/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A) LUAR BIDANG	29 SEPTEMBER 2025
3. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2025/SEP/04/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	01 OKTOBER 2025
4. PENOLONG KERANI SULIT JABATAN-JABATAN KERAJAAN D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2025/SEP/01/JJK	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	01 OKTOBER 2025

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN
KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG
DITUKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



Bilangan Tawaran:
36 / JPD / JKSH / 2025-2026

Tajuk Projek:
Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang
Pejabat Kepada Ruang Stesen
Kerja
Dan Ruang Pantry Bagi Ibu
Pejabat Jabatan Pengangkutan
Darat



Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 30 September 2025
Jam 2.00 Petang

Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **17 Julai 2025**.

Nama dan alamat Bankrap:
**Muhammad Rasyid bin
Muhammad Hussini,**
No. 79, Simpang 353,
Jalan Bukit Bilid,
Bukit Beruang, Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
28 April 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada

Bankrap yang tersebut di atas
hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
yang boleh. Semua hutang-hutang
yang seharusnya dibayar oleh
Bankrap tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.**

Tarikh:
23 Julai 2025

Muhd Muzakir Bin Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/p Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KETAHUI SUMBER GARAM ANDA



کمنتین کصیحت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM



1 Pilih makanan segar dan tidak berproses

2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat

3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

BERGANDING BAHU MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN NEGARA SERANTAU



THE 11th ASEAN+3 Media Cooperation Forum yang diadakan di Magnolia Hall, Haigeng Convention Centre, Republik Rakyat China.

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan People's Daily

KUNMING, Rabu, 17 September. - 2025 Media Cooperation Forum on Belt and Road diteruskan lagi dengan The 11th ASEAN+3 Media Cooperation Forum yang diadakan di Magnolia Hall, Haigeng Convention Centre, Kunming, Republik Rakyat China.

Forum berkenaan meraikan kerjasama sepadu antara Negara Anggota ASEAN bersama Republik Rakyat China, Republik Korea dan Jepun dalam membuka

peluang kerjasama baharu dan mewujudkan persefahaman yang memberikan manfaat bersama.

Para peserta forum yang disertai oleh lebih 100 perwakilan media berpeluang untuk bertukar-tukar pandangan dalam konteks media dan maklumat serta berganding bahu dalam menangani cabaran penyebaran maklumat palsu dengan berkembangnya teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

Dengan bertemakan 'Increase

Inter-connectivity For Common Development And Shared Benefits', forum berkenaan diisikan dengan ucapatama yang antara lain menekankan kepentingan keharmonian dan kesejahteraan serantau yang memfokuskan kepada hubungan terus antara rakyat dengan rakyat meliputi pelbagai bidang yang signifikan.

Ini juga termasuk meningkatkan kerjasama dan berkongsi nilai serta amalan terbaik dalam perkongsian maklumat yang inklusif di samping memastikan ekosistem media yang responsif dan resilien seiring

dengan perkembangan teknologi maklumat.

Forum diteruskan lagi dengan sesi perbincangan panel yang menumpukan kepada dua topik, iaitu 'Foster New Growth Drivers and Share New Development Opportunities' dan 'Build Consensus and Enhance People-to-People Bonds in East Asia'.

Perbincangan berkenaan menampilkan ahli-ahli panel dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Kerajaan Thailand,

Republik Filipina, Republik Demokratik Rakyat Lao, Kemboja.

Antara yang diketengahkan pada perbincangan panel berkenaan ialah kepentingan penggunaan AI dalam industri media di mana AI pada ketika ini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat.

Turut ditekankan ialah penggunaan AI secara bertanggungjawab dalam penyampaian berita dan tidak menyalahgunakan AI yang mampu memberikan impak negatif kepada masyarakat.

Ahli-ahli panel sebulat suara komited untuk terus memperkukuhkan kerjasama, berkongsi matlamat yang memberikan manfaat untuk memacu pertumbuhan yang memberi impak positif sesama negara.

Mendukung pemeliharaan tulisan Jawi sebagai warisan negara

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 September. - Sebagai sebuah Negara Zikir yang menekankan konsep Melayu Islam Beraja (MIB), tulisan Jawi menjadi medium penting dalam mengekalkan tradisi, budaya dan identiti masyarakat Melayu Islam di Negara Brunei Darussalam.

Seiring dengan tulisan Rumi,

pemeliharaan tulisan Jawi amat penting agar warisan berkenaan kekal hidup dan memberi makna kepada generasi akan datang.

Sehubungan itu, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama menganjurkan Pertandingan Tulisan Jawi bagi Pelajar-pelajar Sekolah Arab dan Sekolah Ugama

Kali Ke-41.

Pertandingan berkenaan mendapat sambutan dengan penyertaan seramai 28 pelajar persekolahan Arab dan ugama bertempat di Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Pertandingan yang diadakan sejak 1977 berkenaan bertujuan bagi mengetengahkan bakat pelajar dalam bidang penulisan Jawi, di samping memupuk minat terhadap seni tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat negara ini.

Selain itu, ia juga sebagai usaha JPI bagi mendukung pemeliharaan tulisan Jawi sebagai salah satu warisan negara serta memberikan pendedahan awal kepada para pelajar untuk menyertai pertandingan di peringkat kebangsaan dan serantau.

Pertandingan Tulisan Jawi berkenaan diharap akan terus menjadi wadah dalam melahirkan generasi muda yang mencintai tulisan Jawi serta menguasai seni penulisan dengan baik, seiring dengan usaha berterusan mengekalkan warisan negara, agama dan negara.



KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama menganjurkan Pertandingan Tulisan Jawi bagi Pelajar-pelajar Sekolah Arab dan Sekolah Ugama Kali Ke-41 (kanan dan atas kanan).

جانب چو لچا بروني دارالسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

SENTIASA JUJUR, AMANAH DALAM MELAKSANAKAN TUGAS

DAYANG Damit binti Sabang bersara pada tahun 2024 dan kini berkecimpung dalam bidang perniagaan menjual ikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 September.

Berkhidmat dalam jabatan kerajaan bukan sekadar menjalankan tugas harian, malah ia merupakan satu amanah besar demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

Perjalanan kerjaya yang penuh cabaran, pengorbanan serta pengalaman pahit manis inilah yang dikongsi oleh beberapa pesara yang pernah mencurahkan bakti mereka dalam pelbagai jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Menurut Awang Ibrahim bin Awang Taha, salah seorang pesara yang diraikan pada Majlis Penghargaan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mencurahkan khidmat bakti beliau di Jabatan Penjara selama lebih 32 tahun.

Beliau menyatakan pelbagai pengalaman suka dan duka ditempuhi sepanjang berkhidmat sebagai seorang Warden (Warden) di Jabatan Penjara.

Selama berkhidmat, beliau pernah menerima beberapa penghargaan termasuk Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) dan

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

Pingat Kerja Lama (P.K.L) atas jasa dan khidmat cemerlang yang telah dicurahkan.

Setelah menamatkan perkhidmatan pada tahun 2024 dan sekarang bersara, Awang Ibrahim menitikkan nasihat kepada mereka yang masih berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam agar sentiasa jujur dan mematuhi segala peraturan, terutamanya dalam melaksanakan tugas dan amanah yang telah diberikan.

Manakala Dayang Damit binti Sabang berusia 60 tahun berasal dari Perumahan Teres Kampung Pandan 'C' kini menceburi bidang perniagaan membantu suaminya menjual ikan di Pasar Ikan Kuala Belait.

Dayang Damit memulakan kerjaya beliau sebagai Pembersih di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Setia pada tahun 1994 dan setelah lima tahun berkhidmat beliau dinaikkan pangkat

DAYANG Ernie Lee binti Abdullah berkhidmat lebih 38 tahun.

menjadi Pekerja Tingkat 2 sehingga beliau bersara pada tahun 2024.

Mengimbas kenangan beliau sepanjang berkhidmat, Dayang Damit bersyukur kerana memiliki pegawai dan rakan sekerja yang sangat baik dan bekerjasama, saling membantu dan bertimbang rasa seraya menjadikan suasana persekitaran kerja lebih harmoni.

Beliau menasihati para pegawai dan kakitangan baharu supaya menjaga disiplin, mematuhi arahan dan mencontohi perkara yang baik dalam melaksanakan tugas kerana perkhidmatan kerajaan menuntut kesetiaan dan integriti yang tinggi.

Menggalas amanah dan tanggungjawab selama 40 tahun di Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Penolong Penguasa Kanan Bomba, Awang

Jamaluddin bin Ahmad bercerita pelbagai pengalaman suka dan duka beliau tempuhi.

Awang Jamaluddin memulakan khidmat beliau bersama JBP pada tahun 1984. Dalam tempoh 40 tahun, beliau pernah bertugas di Cawangan Operasi 'G', Daerah Temburong serta

AWANG Ibrahim bin Awang Taha berkhidmat di Jabatan Penjara lebih 32 tahun.

menggalas pelbagai peranan termasuk sebagai pegawai operasi, jurulatih dan ketua pancaragam jabatan.

Pengalaman beliau sarat dengan suka duka, antaranya mengendalikan kes kebakaran yang melibatkan kehilangan nyawa di Kampung Sungai Kedayan, kemalangan jalan raya dan kebakaran kenderaan, serta kemalangan perahu.

Antara pengalaman paling mencabar ialah kebakaran

hutan besar pada tahun 1996 yang melanda keempat-empat daerah ketika negara mengalami kemarau panjang, di mana beliau turut ditugaskan sebagai krew helikopter tanker di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk membantu memadam kebakaran hutan menggunakan helikopter yang

didatangkan khas dari Amerika Syarikat.

Sepanjang perkhidmatannya, beliau menerima pelbagai pengiktirafan termasuk P.I.K.B, Pingat Jubli Perak dan P.K.L, hasil komitmen dan disiplin tinggi yang ditunjukkan.

Beliau menekankan bahawa setiap anggota bomba mesti memberikan komitmen sepenuhnya dalam melaksanakan apa jua tugas yang diamanahkan, terutamanya ketika operasi yang melibatkan nyawa orang awam.

Manakala Dayang Ernie Lee binti Abdullah telah menabur bakti selama 38 tahun (1986 hingga 2024) di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Setia, bermula sebagai pekerja biasa dan seterusnya menyandang jawatan Pekerja Tingkat Khas.

Jawatan terakhir yang disandanginya adalah di Bahagian Penguatkuasaan sejak tahun 2005 sehingga bersara pada usia 60 tahun.

Atas dedikasi dan sumbangan besar sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau turut menerima P.I.K.B dan P.K.L sebagai pengiktirafan. Kini, selepas bersara, beliau masih kekal aktif dengan menceburi bidang perniagaan menjual makanan seperti nasi campur, kuih-muih dan tempahan kek.

AWANG Jamaluddin bin Ahmad mencurahkan bakti selama 40 tahun di Jabatan Bomba dan Penyelamat.



Personalised 3D Cute Frame : Hadiah kreatif sentuhan teknologi moden

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Ihsan Noorfithriyaani Matsalleh, @dreamibn.bouquet

DALAM era teknologi yang semakin berkembang pesat, kreativiti manusia kian mendapat ruang untuk ditonjolkan melalui medium baharu yang lebih interaktif dan inovatif. Salah satu trend yang kian semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat ialah Personalised 3D Cute Frame. Apa yang dimaksudkan dengan Personalised 3D Cute Frame ialah satu bingkai hiasan unik yang direka khas dengan nama, gambar-gambar dan ucapan. Gambar yang digunakan dibuat dalam bentuk 3D dan ia sesuai untuk dijadikan sebagai hadiah istimewa dan kenangan peribadi seseorang. Selain itu, Personalised 3D Cute Frame ini juga dihias dalam versi kecil yang dilengkapi dengan lampu, khusus untuk digubah dalam bentuk *bouquet* yang menjadikannya pilihan menarik dan istimewa bagi mereka yang ingin memberi sentuhan peribadi pada hadiah.

Personalised 3D Cute Frame muncul sebagai simbol gaya hidup moden kerana ia menggabungkan aspek tradisional dalam menghargai seseorang melalui pemberian hadiah dengan sentuhan teknologi terkini. Jika dahulu bingkai hanya dilihat dalam bentuk konvensional yang sekadar menempatkan foto atau ilustrasi, kini ia telah berubah wajah menjadi karya seni peribadi. Melalui cetakan 3D, bingkai dihias dengan watak kartun peribadi, ikon kegemaran, objek harian dan simbol yang rapat dengan individu tertentu. Hal ini menjadikan setiap bingkai mempunyai cerita tersendiri sekali gus membezakan antara satu dengan yang lain. Keunikan inilah yang menjadikan trend ini berkembang pesat terutamanya dalam kalangan golongan muda yang cenderung mencari sesuatu yang lebih eksklusif dan dekat dengan jiwa mereka.

Bagi golongan ini, Personalised 3D Cute Frame bukan sekadar wadah menyimpan

memori malah menjadi medium ekspresi diri yang memperlihatkan identiti, minat serta cita rasa peribadi. Keistimewaan ini membolehkan mereka menzahirkan penghargaan terhadap insan tersayang dengan cara yang lebih kreatif dan berbeza. Trend ini semakin popular kerana ramai orang mencarinya untuk dijadikan hadiah bagi acara-acara seperti Hari Guru, Hari Jadi, Hari Ulang Tahun Perkahwinan dan acara penting yang lain.

Selain itu, trend ini juga membuka peluang baharu kepada para usahawan tempatan yang ingin menceburi bidang percetakan 3D. Permintaan yang semakin meningkat terhadap produk kreatif ini menjadi bukti bahawa industri seni digital dan percetakan moden semakin diterima masyarakat. Produk ini juga memberikan ruang kepada pereka grafik dan artis digital untuk menyalurkan bakat mereka dalam bentuk yang lebih praktikal.

Trend Personalised 3D Cute Frame ini turut mendapat sentuhan kreatif daripada usahawan tempatan seperti Dayang Noorfithriyaani binti Matsalleh, pemilik DREAMI BN Enterprise. Beliau menjelaskan bahawa idea menghasilkan bingkai ini bermula daripada fenomena media sosial khususnya trend pengguna menukar gambar ke dalam bentuk Ghibli, kartun atau *anime*. Inspirasi ini kemudian digabungkan dengan kepakaran sedia ada dalam bidang percetakan 3D, penggunaan Kecerdasan Buatan (AI), Adobe Illustrator serta mesin pemotong bagi menghasilkan produk yang lebih unik. Sokongan media sosial terutama TikTok turut memainkan peranan penting dalam memperkenalkan produk ini kepada orang ramai di mana sambutan awal yang tidak disangka-sangka menjadi pembakar semangat kepada beliau untuk terus



mengembangkan inovasi serta menambah baik rekaan bingkai agar lebih menarik dan memenuhi cita rasa pelanggan.

Proses penghasilan setiap bingkai dimulakan dengan pengumpulan maklumat daripada pelanggan. Antara maklumat yang diperlukan termasuk nama panggilan, ucapan ringkas serta ikon-ikon khusus yang melambangkan penerima hadiah tersebut. Contohnya seperti, untuk seorang guru menggunakan ikon seperti buku, papan putih atau alat tulis, manakala bagi seorang doktor yang akan bersara, ikon digunakan adalah hospital, ubat atau peralatan perubatan.

Selain itu, gambar individu juga akan ditukar ke dalam versi kartun menggunakan teknologi AI sebelum digabungkan bersama rekaan gambar bercetak 3D. Dengan harga BND13.00 setiap satu, tempoh menyiapkan tempahan biasanya antara tiga hingga lima hari tergantung kepada jumlah tempahan. Pelanggan juga diberi peluang untuk melihat

draf terlebih dahulu sebelum bingkai siap sepenuhnya bagi memastikan hasil akhir menepati kehendak mereka.

Walau bagaimanapun, menurut Dayang Noorfithriyaani, perjalanan dalam industri kreatif ini tidak terlepas daripada cabaran. Salah satu cabaran terbesar adalah mengekalkan keunikan produk kerana sentiasa ada risiko peniruan idea dari pihak lain. Namun, hal ini dianggap sebagai peluang untuk terus memperkukuh identiti jenama DREAMI dengan menampilkan rekaan yang lebih segar dan inovatif.

Justeru, Personalised 3D Cute Frame bukan sahaja melambangkan gabungan teknologi moden dan seni malah turut menjadi bukti bahawa industri kreatif tempatan mampu berkembang pesat dengan sokongan masyarakat. Produk ini bukan sekadar hadiah tetapi simbol penghargaan dan ekspresi diri yang mengekalkan memori dalam bentuk yang eksklusif serta penuh makna.



Keselamatan anak damit, kanak-kanak tanggungjawab bersama

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) menempatkan kesihatan sebagai salah satu strategi utama dalam Wawasan Brunei 2035 yang dapat menyumbang kepada pencapaian kualiti kehidupan yang tinggi. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan sentiasa komited memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, saksama, komprehensif dan lagi mudah diperolehi oleh rakyat dan penduduk negara. Ini termasuklah juga bagi golongan anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak. Mereka ini berhak untuk mendapatkan penjagaan kesihatan yang selamat dan berkualiti sejak lahir. Satu sahaja insiden keselamatan boleh membawa kesan sepanjang hayat untuk kesihatan dan perkembangan kanak-kanak terbahit. Itulah sebabnya Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2025 yang disambut setiap 17 September dikhususkan untuk memastikan penjagaan yang selamat untuk setiap anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak.

Tema dan Objektif

Bertemakan 'Penjagaan Yang Selamat

Untuk Setiap Anak Damit Yang Baru Lahir dan Setiap Kanak-Kanak' sambutan tahun ini membawakan slogan 'Keselamatan Pesakit Sejak Dari Awal' dengan objektif meningkatkan kesedaran global mengenai risiko keselamatan dalam penjagaan anak-anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak di semua peringkat penjagaan kesihatan, dengan memfokuskan khusus kepada keperluan anak-kanak, keluarga dan penjaga. Sambutan juga mempunyai objektif untuk menggerakkan pihak kerajaan, organisasi-organisasi penjagaan kesihatan, badan-badan profesional dan masyarakat untuk melaksanakan strategi yang mampan dalam memberikan penjagaan yang lebih selamat kepada anak-anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak sebagai sebahagian daripada inisiatif-inisiatif keselamatan pesakit dan kualiti. Selain itu memperkasakan peranan ibu bapa dan penjaga tentang keselamatan anak-anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak dengan mempromosikan pendidikan, kesedaran dan penyertaan yang aktif dalam penjagaan kesihatan dan menyokong usaha untuk memperkukuhkan penyelidikan mengenai keselamatan pesakit dalam penjagaan anak-anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak juga merupakan objektif

sambutan kali ini.

Perutusan Menteri Kesihatan

Memetik Perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar sempena Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2025 menyatakan bahawa sebagai sebuah negara yang mengutamakan kesejahteraan rakyat dan penduduknya, NBD sangat komited dalam memastikan kualiti sistem penjagaan kesihatan anak-anak yang baru lahir dan kanak-kanak mudah diakses (*universal access*), berkualiti tinggi dan selamat. Dalam pada itu, jelasnya Kementerian Kesihatan akan sentiasa meneliti dan mempertingkatkan sistem penjagaan kesihatan di negara ini dengan pengemaskinian pelaksanaan dasar-dasar, garis pandu-garis pandu dan prosedur-prosedur selaras dengan perkembangan semasa dengan mematuhi piawaian kesihatan yang tinggi.

Langkah-langkah strategik

Kementerian Kesihatan sememangnya sentiasa proaktif dalam mengambil langkah-langkah strategik ke arah memastikan sistem penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi untuk semua lapisan

masyarakat termasuk anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak di negara ini antaranya dengan memperkasa amalan klinikal bagi pencegahan risiko; memperkasa peranan ibu bapa dan penjaga dalam pemantauan anak-anak; mempertingkatkan komunikasi dan kerjasama antara profesional kesihatan serta menggunakan teknologi dan data untuk pengesanan awal risiko.

Sementara itu komitmen terhadap penjagaan kesihatan selamat dan berkualiti pula menumpukan kepada perkhidmatan kesihatan kanak-kanak mudah diakses, berkualiti tinggi dan selamat; dasar, garis panduan, dan prosedur sentiasa dikemas kini dan budaya keselamatan yang kukuh.

Pelaburan masa depan

Keselamatan anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak adalah pelaburan untuk masa depan negara. Dengan kerjasama kerajaan, swasta, keluarga dan masyarakat, kita dapat membina budaya keselamatan demi melindungi generasi akan datang. Oleh itu, marilah kita sama-sama menghayati tema dan objektif Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2025 untuk memastikan masa depan yang sihat, selamat dan sejahtera.

BAZAR USAHAWAN : KETENGAHKAN PELBAGAI PRODUK PMKS

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 September. – Dalam usaha menyediakan platform perniagaan serta peluang untuk menjana pendapatan kepada para usahawan, Bazar Usahawan telah dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bunut Perpindahan dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara



(JDBM).

Bazar yang bertempat di Dewan Muhibbah, JDBM berkenaan telah menghimpunkan sebanyak 50 reruai jualan yang menawarkan pelbagai jenis makanan dan minuman, perhiasan serta pakaian, sekali gus menyuntik semangat keusahawanan dalam kalangan masyarakat terutama Perusahaan, Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Penganjuran bazar berkenaan dihasrat sebagai satu wadah pemasaran untuk para usahawan PMKS yang baru berjinjak dalam dunia perniagaan, sekali gus memberi ruang kepada mereka memperkenalkan produk masing-masing secara lebih meluas.

Kehadiran pengunjung yang menggalakkan sepanjang berlangsungnya bazar berkenaan jelas mencerminkan minat dan sokongan masyarakat terhadap produk yang dijual.

Antara usahawan yang mencuri

DAYANG Norlees bersama produk beliau.

BATIK Borneo merupakan antara jualan yang menarik perhatian ramai dijual oleh Dayang Anne (kiri), manakala gambar kanan, Ketua Kampung Kasat, Mukim Lumapas, Awang Haji E'Rifin bin Haji Mohd. Yusof bersama Ahli-ahli MPK Kasat menyertai Bazar Usahawan.

perhatian sepanjang bazar berkenaan ialah Dayang Anne, iaitu seorang pengusaha produk kesihatan yang turut mengetengahkan pakaian batik Borneo.

Menurut Dayang Anne, sambutan terhadap baju batik amat menggalakkan sepanjang bazar berlangsung, manakala produk minyak angin keluarannya turut mendapat perhatian daripada pelanggan baharu mahupun pelanggan yang sedia ada.

Menariknya, Dayang Anne bukan sahaja mempamerkan produk, malah turut berkongsi kepakaran melalui sesi pengajaran teknik urutan saraf, khususnya bagi mereka yang menghadapi masalah saraf.

Pendekatan beliau yang menggabungkan produk kesihatan dan perkhidmatan rawatan alternatif berkenaan ternyata mencuri perhatian para pengunjung. Ini membuktikan bahawa inovasi dan nilai tambah mampu menjadi daya tarikan utama dalam keusahawanan.

Turut memeriahkan bazar ialah Dayang Norlees dari Pulau Pinang, yang membawa pelbagai jenis kerepek tradisional sebagai taruhan. Menurut Dayang Norlees, beliau berpuas hati kerana berpeluang menimba pengalaman baharu dan memperluas jaringan pelanggan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ini merupakan penyertaan



sulung beliau di Dewan Muhibbah, selepas pernah menyertai Pesta Pengguna (Consumer Fair) di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas sebelum ini.

Bagi Dayang Norlees, penyertaan dalam bazar berkenaan membuka ruang untuk lebih memahami selera dan permintaan pasaran tempatan, yang pastinya akan menjadi panduan penting dalam merancang strategi perniagaannya pada masa akan datang.

Sementara itu, MPK Kasat tidak ketinggalan memeriahkan suasana dengan memperkenalkan pelbagai pilihan kuih kering tradisional seperti Sapit, Cacah, biskut Florentine dan sebagainya.

Menurut Ketua Kampung Kasat, Mukim Lumapas, Awang Haji E'Rifin bin Haji Mohd. Yusof, penyertaan berkenaan merupakan peluang berharga untuk mempromosi lebih banyak produk keluaran mereka di bawah inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Awang Haji E'Rifin turut berkongsi bahawa sambutan daripada para pengunjung amat menggalakkan.

"Bazar seperti ini menjadi platform penting untuk mereka memperkenalkan hasil tangan penduduk kampung kepada masyarakat umum.

"Penganjuran bazar seumpama ini dilihat bukan sekadar acara jual beli, bahkan menjadi platform pembangunan komuniti yang mampu menyokong pengusaha tempatan memperluaskan pasaran produk mereka dan meningkatkan daya saing industri PMKS di negara ini," ujarnya lagi.

Dengan adanya pendedahan melalui bazar, para usahawan bukan sahaja dapat menilai sambutan pasaran terhadap produk mereka, tetapi juga berpeluang membina rangkaian baharu, bertukar idea dan menimba ilmu keusahawanan secara langsung, seterusnya menyemai budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat.

Bazar Usahawan berkenaan bukan sekadar membuka peluang perniagaan, tetapi juga menjadi bukti bahawa usaha kecil yang disemai dengan kesungguhan mampu berkembang menjadi sumber ekonomi yang kukuh untuk komuniti dan negara.

Ular Sawa Batik

Nama Binatang : Reticulated python

Order : Squamata

Nama Tempatan : Ular Sawa Batik

Kelas Spesies : Reptilia

Nama Saintifik : Malayopython reticulatus

IUCN : Least concern

CITES : Appendix II

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

ULAR Sawa Batik yang menakjubkan menjadikan Asia Tenggara sebagai habitat utamanya, khususnya di lokasi indah seperti Negara Brunei Darussalam. Spesies luar biasa ini hidup subur di hutan hujan tropika, hutan paya dan padang rumput, malah kadangkala merayau ke kawasan bandar. Corak hitam, emas dan coklatnya bukan sahaja memukau, malah berfungsi sebagai penyamaran sempurna, membolehkan ular ini menyelip masuk ke dalam persekitarannya sambil mengintai mangsa seterusnya dengan penuh kepakaran.

Bukankah alam semula jadi itu menakjubkan?

Ular Sawa Batik memegang gelaran sebagai spesies ular terpanjang di dunia, mampu mencapai panjang lebih daripada 6 meter dan berat sehingga 75 kilogram. Sebagai pemangsa teratas, ular ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan ekologi dengan memburu tikus, burung dan rusa kecil, sekali gus membantu mengawal populasi mereka.

Walaupun bersaiz besar, ular tidak berbisa ini sering bersembunyi, menggunakan kekuatan dan kelicikan untuk memburu dengan berkesan. Keupayaannya memanjat dan berenang dengan begitu hebat

membuktikan tahap penyesuaiannya yang luar biasa, menjadikan Ular Sawa Batik sebagai salah satu spesies yang benar-benar menakjubkan dalam dunia semula jadi.

Ular Sawa Batik ini juga menarik kerana ia membiak sepanjang tahun, dengan betina mampu bertelur sehingga 80 biji, yang akan dijaga dengan penuh teliti sehingga menetas. Walaupun kini dikategorikan sebagai 'Risiko Rendah' dalam Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam (IUCN), ular ini berdepan ancaman besar seperti penebangan hutan, pemburuan haram dan perdagangan haiwan eksotik secara tidak sah. Apabila habitat mereka kian menyusut, tindakan segera amat diperlukan untuk melindungi persekitarannya. Usaha ini bukan sekadar memastikan Ular Sawa Batik terus wujud tetapi juga menjaga keseimbangan ekosistem yang menjadi nadi kehidupan pelbagai spesies lain.

Ular Sawa Batik merupakan lambang penting kepada kekayaan biodiversiti di Negara Brunei Darussalam, serta membuka peluang untuk mengetengahkan ekopelancongan dan usaha-usaha untuk pemuliharaannya. Meningkatkan program pemuliharaan hidupan liar akan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara spesies menakjubkan ini. Melindungi habitatnya - hutan hujan dan tanah lembap - memastikan kelangsungan hidup Ular Sawa Batik dan menyokong ekosistem tempatan serta



Sumber Foto : Haji Mohammad Haji Ibrahim, Awang Markim bin Haji Rahman BWPC 2022 JPH (- B08 - 018 - 30 _EPB3253 B02 - 020 - 29 DSCN9481).

pertanian. Dengan melindunginya, *kitani* bukan sahaja melindungi hidupan liar tetapi juga membina masa depan mampan untuk masyarakat dan negara Brunei secara keseluruhannya.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat

foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : [forestry.brunei](https://www.instagram.com/forestry.brunei).

Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara Hutan Kitani.

PBB LULUS RESOLUSI TERKINI ISU ORANG HILANG KUWAIT SEMASA PENCEROBOHAN IRAQ 1990



NEW YORK, 18 Sept. - Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) pada Rabu meluluskan resolusi berhubung kepulangan warga Kuwait dan warga negara ketiga yang hilang semasa pencerobohan Iraq pada 1990, lapor Xinhua.

Resolusi 2792 yang dipersetujui sebulat suara oleh 15 anggota

majlis itu, menggesa Setiausaha Agung PBB melantik seorang wakil kanan bagi menyokong dan memudah cara kerjasama berterusan antara Iraq dan Kuwait dalam isu berkenaan, selain menangani isu kehilangan harta benda Kuwait.

Resolusi itu turut meminta Setiausaha Agung mengemukakan laporan terkini mengenai

perkembangan isu berkenaan kepada Majlis Keselamatan menjelang 31 Mac 2026 dan setiap enam bulan selepas itu.

Resolusi itu menyatakan bahawa Majlis Keselamatan akan mempertimbangkan keperluan pemantauan PBB ke atas isu orang hilang dan harta benda selewat-lewatnya pada 31 Disember 2030.

Pemulangan warga Kuwait dan warga negara ketiga yang hilang, bersama-sama dengan pemulangan harta benda Kuwait, kini diawasi oleh Misi Bantuan PBB di Iraq yang mandatnya akan berakhir pada 31 Dis 2025. Resolusi baharu itu memastikan usaha fasilitasi terbabit diteruskan.

Laporan Setiausaha Agung PBB

pada Mei lalu menyebut bahawa seramai 315 warga Kuwait dan warga negara ketiga masih hilang, manakala isu pemulangan arkib negara serta harta benda lain milik Kuwait masih belum diselesaikan. - ©BERNAMA

Tunisia jadi tuan rumah mesyuarat gabenor bank pusat Arab

TUNIS, 18 Sept. - Majlis Gabenor Bank Pusat dan Pihak Berkuasa Monetari Arab memulakan mesyuarat tahunannya di Tunisia pada Rabu dengan tumpuan kepada cabaran dasar monetari yang dihadapi rantau Afrika Utara dan dunia Arab secara keseluruhan, lapor Xinhua.

Dalam ucapan pembukaan, Gabenor Bank Pusat Tunisia (BCT), Fathi Zouhair Nouri menekankan keperluan integrasi kewangan bagi mengukuhkan kestabilan, merangsang pertumbuhan serta membuka lebih banyak peluang di seluruh rantau itu.

Mesyuarat dua hari itu menghimpunkan gabenor bank pusat negara-negara Arab bersama wakil institusi kewangan serantau dan antarabangsa.

"Matlamat bersama kita adalah meningkatkan prestasi sistem kewangan, memperbaiki perkhidmatan dan rangka kerja

kawal selia, serta membangunkan pasaran kewangan Arab yang saling berhubung, berdaya saing di peringkat global dan mampu menarik pelaburan, perdagangan serta inovasi," kata Nouri.

Beliau turut menyeru agar wujud penyelarasan lebih kukuh dan pertukaran kepakaran antara bank pusat dan institusi monetari Arab demi memperkukuh ketahanan menghadapi kejutan luaran, sekali

gus menjamin kestabilan kewangan serantau dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar.

Nouri juga menekankan keupayaan Tunisia menghadapi pelbagai cabaran, sambil menyatakan negara itu berhasrat untuk "menempatkan dirinya sebagai pusat kewangan baharu di peringkat serantau dan antarabangsa". - ©BERNAMA

4 anggota keselamatan terbunuh dalam serangan di wilayah barat daya Pakistan

ISLAMABAD, 18 Sept. - Empat anggota polis dan kumpulan separa tentera Leviester korban, manakala beberapa lagi cedera dalam serangan bersenjata di dua balai di wilayah barat daya Balochistan pada Rabu, menurut sumber polis.

Menurut sumber yang enggan dikenali, seramai lapan hingga 10 penyerang bersenjata menyasarkan kedua-dua balai di

daerah Sherani pada awal pagi, lapor Xinhua.

"Penyerang yang berada di sebuah bukit berhampiran melancarkan roket ke arah kedua-dua kemudahan yang terletak kira-kira 200 meter antara satu sama lain," katanya. Ketika kejadian, kira-kira 25 anggota polis dan 10 pegawai Levies sedang bertugas. Serangan itu turut menyebabkan beberapa

kenderaan musnah.

Pasukan separa tentera Kor Frontier segera dikerah ke lokasi sejurus selepas kejadian, manakala unit Pasukan Anti-Keganasan dan Jabatan Pencegahan Keganasan turut dihantar ke kawasan itu. Setakat ini, tiada pihak mengaku bertanggungjawab terhadap serangan terbabit. - ©BERNAMA

Tesla disiasat akibat masalah pintu yang berpotensi rosak

SAN FRANCISCO, 17 Sept. - Pentadbiran Keselamatan Trafik Lebuhraya Kebangsaan Amerika Syarikat (NHTSA) melancarkan siasatan berhubung aduan mengenai pemegang pintu SUV Tesla Model Y gagal berfungsi dalam keadaan tertentu, lapor Xinhua memetik laporan media tempatan pada Selasa.

Pejabat Penyiasatan Kerosakan (ODI) agensi itu memaklumkan telah menerima sembilan laporan daripada pemilik kenderaan yang tidak dapat memasuki kereta

mereka.

Dalam kebanyakan kes, ibu bapa dilaporkan terkunci di luar selepas keluar dari kereta dan tidak dapat membuka pintu belakang untuk mengambil anak mereka.

Dalam empat kes, pemilik terpaksa memecahkan tingkap untuk masuk semula, menurut ODI.

Kajian awal mendapati masalah itu mungkin berlaku jika kunci pintu elektronik tidak menerima voltan mencukupi daripada sistem bateri kenderaan.

Menurut ODI, tiada laporan

menunjukkan amaran bateri voltan rendah dipaparkan.

Laporan itu juga menyebut kenderaan Tesla dilengkapi pembuka pintu manual di bahagian dalam, namun kedudukannya sukar dicapai kanak-kanak dan sebahagian pemilik tidak menyedari kewujudannya.

Menurut manual pemilik Tesla, memulihkan kuasa pada kunci elektronik memerlukan beberapa langkah tambahan menggunakan sumber kuasa luaran. - ©BERNAMA

Mumia tertua dunia ditemukan di Asia Tenggara - Kajian

ISTANBUL, 17 Sept. - Sekumpulan saintis menemukan apa yang dipercayai sebagai mumia tertua di dunia di Asia Tenggara, dengan usia dianggarkan mencecah 12,000 tahun, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik jurnal Proceedings of the National Academy of Sciences (PNAS).

Kajian itu menyatakan para penyelidik menemukan rangka manusia yang dikedumikan dalam posisi mencangkung atau duduk, sebahagiannya mempunyai kesan potongan dan kesan terbakar, di tapak arkeologi di Republik Rakyat China dan Viet Nam, manakala penemuan lebih kecil direkodkan di Republik Filipina, Laos, Thailand,

Malaysia dan Republik Indonesia.

Sisa rangka yang ditemukan di Republik Rakyat China, Viet Nam dan Republik Indonesia didapati terawet akibat pendedahan berpanjangan kepada haba yang rendah, meskipun tiada tanda jelas yang biasanya dikaitkan dengan proses mumifikasi.

Analisis lanjut terhadap tulang menunjukkan mayat kemungkinan besar didedahkan kepada haba, menandakan komuniti di rantau ini mengawet dan mengeringkan jasad menggunakan asap dan api.

"Beberapa sampel arkeologi yang dianalisis mewakili contoh tertua proses mumifikasi buatan manusia yang diketahui di dunia,"

menurut laporan kajian itu.

Kajian itu menggunakan pelbagai teknik, termasuk pembelauan sinar-X untuk mengenal pasti komposisi mineral serta spektroskopi inframerah transformasi Fourier bagi menganalisis ikatan kimia, ke atas 54 pengebumian pra-Neolitik dari 11 tapak arkeologi di Asia Tenggara.

Walaupun mumia Mesir paling terkenal, antara mumia tertua yang diketahui sebelum ini dihasilkan kira-kira 7,000 tahun lalu oleh masyarakat Chinchorro, iaitu komuniti nelayan yang tinggal di kawasan yang kini dikenali sebagai Peru dan Chile. - ©BERNAMA

Ford Amerika Syarikat hentikan 1,000 lagi pekerja di Jerman ekoran jualan EV lemah

BERLIN, 17 Sept. - Pengeluar kereta Amerika Syarikat (AS), Ford pada Selasa mengumumkan akan memberhentikan 1,000 lagi pekerja di kilangnya di Cologne, Republik Persekutuan Jerman berikutan permintaan kenderaan elektrik (EV) di Eropah yang terus merosot, lapor Xinhua.

Bermula Januari 2026, operasi kilang itu akan dikurangkan daripada dua syif kepada satu syif, sekali gus menjejaskan jumlah pekerja.

Ini merupakan pemberhentian pertama yang melibatkan pengeluaran kenderaan sejak kilang itu diubah menjadi pusat pengeluaran EV pertama Ford di Eropah, selepas pelaburan bernilai US\$2 bilion dua tahun lalu.

Pengumuman itu menyusul selepas keputusan Ford sebelum ini merancang mengurangkan 4,000 pekerja di Eropah menjelang 2027, termasuk kira-kira 2,900 di Republik Persekutuan Jerman, kebanyakannya dalam bahagian pentadbiran dan pembangunan.

Rancangan itu mencetuskan mogok pertama pada Mei, sebelum pihak pengurusan dan majlis kerja mencapai persetujuan pada Julai yang menawarkan pakej pampasan.

Jurucakap majlis kerja kilang, David Luedtke menyifatkan langkah terbaharu ini sebagai 'satu lagi tamparan hebat buat kilang Cologne'.

Beliau turut memberi amaran bahawa ia menambah kebimbangan pekerja mengenai masa depan jangka panjang kilang terbabit. Sekiranya kedua-dua pusingan pemberhentian itu dilaksanakan, tenaga kerja Ford di Cologne - yang juga berfungsi sebagai ibu pejabat Eropah syarikat itu - dijangka berkurangan kepada sekitar 7,600 orang, berbanding 12,000 tahun lalu dan 20,000 lima tahun lalu.

Penganalisis industri berpendapat kesukaran Ford mencerminkan cabaran lebih besar yang sedang dihadapi sektor automotif Republik Persekutuan Jerman dalam peralihan kepada EV.

Menurut firma perunding EY, pengeluar kereta dan pembekal di negara itu telah mengurangkan lebih 51,000 pekerjaan sepanjang tahun lalu disebabkan permintaan lemah, tarif AS serta kos tinggi peralihan kepada EV. - ©BERNAMA

4 dibawa ke hospital selepas kebakaran flat HDB di Republik Singapura

REPUBLIK SINGAPURA, 17 Sept. - Empat orang dibawa ke hospital, termasuk seorang yang mengalami kecederaan melecur ringan, selepas kebakaran berlaku di sebuah flat HDB di Serangoon North, Republik Singapura.

Pasukan Pertahanan Awam Republik Singapura (SCDF) berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan sekitar 8 malam Selasa dan mendapati sebuah bilik di unit tingkat tujuh Blok 502, Serangoon North Avenue 4, sedang terbakar.

"Kebakaran yang hanya melibatkan bilik tidur itu berjaya dipadamkan," kata SCDF dalam satu hantaran di Facebook.

Tiga penghuni flat berkenaan sempat menyelamatkan diri sebelum SCDF tiba dan kemudian dihantar ke Hospital Besar Republik Singapura (SGH) selepas disahkan terhidu asap.

"Seorang lagi penghuni dari unit bersebelahan turut dibawa ke SGH kerana mengalami simptom sama," menurut SCDF.

Sekitar 50 penduduk blok berkenaan dipindahkan oleh polis dan SCDF sebagai langkah berjaga-jaga.

Siasatan awal mendapati kebakaran berkemungkinan berpunca daripada masalah elektrik di bilik tidur. - ©BERNAMA



LALUAN UDARA TERUS MENGHUBUNGKAN GUIYANG, CHINA DENGAN SEOUL

GUIYANG, 19 Sept. - Perkhidmatan udara terus baharu yang menghubungkan Guiyang, ibu kota Wilayah Guizhou di barat daya China, dan Seoul, Republik Korea (ROK), dilancarkan pada Rabu.

Laluan itu dikendalikan oleh 9 Air, juga dikenali sebagai Jiuyuan Airlines. Penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Guiyang Longdongbao ke Lapangan Terbang Antarabangsa

Incheon mengambil masa kira-kira empat jam, manakala perjalanan pulang mengambil masa kira-kira tiga setengah jam, menurut Kumpulan Industri Penerbangan Awam Guizhou.

Laluan itu akan mempunyai dua penerbangan setiap minggu, dijadualkan pada hari Rabu dan Ahad.

Penerbangan keluar akan berlepas pada pukul 2.55 petang. Waktu Beijing dari Guiyang dan tiba di Seoul pada pukul 6.50 petang. Penerbangan pergi balik dari Seoul

berlepas pada pukul 8.25 malam. Waktu Beijing dan tiba di Guiyang pada pukul 11.55 malam.

Perkhidmatan udara baharu itu dijangka memudahkan perjalanan, kerana ROK merancang untuk memperkenalkan dasar bebas visa sementara untuk pelancong kumpulan China mulai akhir September, tambah kumpulan itu. - ©XINHUA



FOTO dron udara yang diambil pada 30 Julai 2025 menunjukkan orang ramai melawat kawasan pelancongan Menara Jiaxiu di Guiyang, ibu negeri Wilayah Guizhou di barat daya China.

Mahkamah Brazil siasat bekas presiden, Bolsonaro berhubung rasuah COVID-19

BELO HORIZONTE (Brazil), 19 Sept. - Seorang hakim Mahkamah Persekutuan Brazil pada Khamis membenarkan siasatan terhadap bekas Presiden Jair Bolsonaro, anaknya yang juga ahli parlimen Eduardo Bolsonaro, serta 22 pembantu berhubung dakwaan rasuah dan penyelewengan dana awam dalam usaha memerangi pandemik COVID-19, lapor Xinhua.

Polis Persekutuan membuat permohonan itu berdasarkan laporan akhir Suruhanjaya Siasatan Parlimen (CPI) mengenai COVID-19.

"Penyiasatan parlimen mendapati terdapat bukti jenayah terhadap pentadbiran awam, khususnya dalam kontrak, penipuan tender, harga melampau, penyelewengan dana awam, pemeteraian kontrak dengan syarikat palsu untuk membekalkan perkhidmatan generik atau rekaan, serta beberapa jenayah lain yang disebut dalam laporan CPI," kata Hakim Flavio Dino.

"Saya menerima permohonan Polis Persekutuan dan mengarahkan supaya petisyen ini ditukar kepada siasatan polis, dengan menetapkan tempoh awal 60 hari untuk siasatan," tambahnya.

Laporan CPI yang disiapkan pada Oktober 2021 mendapati Bolsonaro dan pembantunya membuat keputusan yang menjejaskan usaha menangani pandemik serta mengesyorkan mereka yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan.

Pada 11 September lalu, mahkamah tertinggi Brazil menjatuhkan hukuman penjara 27 tahun tiga bulan terhadap Bolsonaro atas cubaan melakukan rampasan kuasa. - ©BERNAMA

Malaysia tegaskan komitmen dengan Viet Nam, galakkan kerjasama serantau bersama ASEAN

KUALA LUMPUR, 19 Sept. - Malaysia menegaskan semula komitmen untuk memperkukuh hubungan dua hala dengan Viet Nam serta menggalakkan kerjasama serantau bersama negara anggota ASEAN, kata Duta Besar Malaysia ke Viet Nam Datuk Tan Yang Thai.

Dalam ucapannya pada majlis resepsi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia ke-68, Hari Malaysia ke-62 dan Hari Angkatan Tentera Malaysia ke-92 di Hanoi, Viet Nam, beliau berkata hubungan dua hala Malaysia dan Viet Nam terus berkembang selepas termeterainya Perkongsian Strategik Komprehensif tahun lepas.

Beliau berkata perkongsian itu merangkumi kerjasama dalam pelbagai sektor termasuk perdagangan, pelaburan, peralihan tenaga, pendidikan, pelancongan, pertahanan dan pertukaran rakyat dengan rakyat. Duta itu turut menekankan pertukaran lawatan peringkat tinggi antara kedua-dua negara sejak kebelakangan ini.

"Pada Februari, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim membuat lawatan kedua ke Hanoi, Viet Nam, kali ini untuk menyampaikan ucapan khas di Forum Masa Depan ASEAN. Pada Mei, Perdana Menteri Viet Nam Pham Minh Chinh pula mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia, sekali gus mengukuhkan hubungan dua hala kita," katanya.

Bulan ini, beliau berkata Malaysia menjadi tuan rumah kepada Pengerusi Perhimpunan Kebangsaan Viet Nam, Tran Thanh Man, di Kuala Lumpur untuk lawatan rasmi serta penyertaan dalam Perhimpunan Agung Antara Parlimen ASEAN (AIPA) ke-46.

"Timbalan Perdana Menteri Viet Nam Tran Hong Ha turut menyertai delegasi peringkat tinggi ini, dan sebagai sebahagian daripada lawatannya, beliau akan menghadiri Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS), pameran halal terbesar di dunia yang berlangsung di Malaysia. Lawatan ini menunjukkan tahap keyakinan dan keakraban yang menjadi asas hubungan Malaysia-Viet Nam," katanya.

Duta itu berkata 2025 menjadi tahun penting bagi kedua-dua negara, dengan Malaysia memegang Pengerusi ASEAN dan Viet Nam meraikan ulang tahun ke-30 penyertaannya dalam ASEAN.

"Malaysia menganggap Viet Nam sebagai rakan kongsi yang dipercayai, bersama negara anggota ASEAN lain, dalam komitmen kita terhadap Pemusatan ASEAN untuk mempromosi dan melindungi kepentingan rantau ini," katanya. - ©BERNAMA

Albania lantik 'Menteri' AI untuk bantu operasi kerajaan

BUDAPEST, 19 Sept. - Albania pada Khamis memperkenalkan secara rasmi seorang 'Menteri Digital' berasaskan kecerdasan buatan (AI) sebagai sebahagian daripada pentadbirannya, dengan tujuan memperkemas proses pentadbiran dan memerangi rasuah, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

AI berkenaan, diberi nama Diellayang bermaksud 'matahari' dalam bahasa Albania, dimasukkan ke dalam Kabinet Perdana Menteri Edi Rama selepas mendapat kelulusan undi majoriti parti pemerintah Sosialis, meskipun dikritik pihak pembangkang.

Walaupun Diella tidak disenaraikan sebagai menteri dalam senarai rasmi Kabinet Presiden Bajram Begaj, dokumen

menyatakan Rama bertanggungjawab terhadap "penubuhan dan operasi Menteri Maya bagi Kecerdasan Buatan Diella".

Sebelum ini Diella hanyalah *chatbot* di laman web kerajaan, namun kini ia digambarkan secara visual sebagai seorang wanita berpakaian tradisional Albania, berasaskan imej pelakon Anila Bisha, menurut media tempatan.

Rama berkata AI itu akan "menghimpunkan bakat terbaik negara, warga Albania di perantaraan serta pakar asing" dan "menjadikan institusi sebagai platform pembangunan AI".

Dalam sesi Parlimen, Diella turut berucap melalui video, memperkenalkan dirinya sebagai "menteri negara bagi kecerdasan buatan" dengan misi untuk

memudahkan urusan pentadbiran kerajaan setiap hari.

Bagaimanapun, pakar IT dan ahli politik pembangkang menegaskan penggunaan AI bagi membuat keputusan pentadbiran menimbulkan kebimbangan.

Pakar IT Erjon Curraj menulis dalam majalah dalam talian Balkan Insight bahawa AI boleh membantu dalam perolehan awam tetapi tanggungjawab dan akauntabiliti tetap mesti dipikul manusia.

Ketua pembangkang Gazment Bardhi pula menyifatkan Diella sebagai 'fantasi propaganda' untuk menutup isu rasuah kerajaan, malah mendakwa langkah itu tidak berperlembagaan kerana perlembagaan menetapkan menteri mesti warganegara Albania, cukup umur serta siuman. - ©BERNAMA

Sepanyol, Perancis atasi Argentina dalam ranking FIFA

GENEVA, 19 Sept. - Sepanyol melonjak ke tangga teratas Ranking Dunia FIFA Lelaki pada Khamis buat kali pertama dalam tempoh 11 tahun, sekali gus menamatkan penguasaan dua tahun Argentina, lapor Xinhua.

Juara dunia itu jatuh ke tempat ketiga di belakang Perancis selepas tewas 0-1 kepada Ecuador dalam aksi kelayakan CONMEBOL Piala Dunia 2026 pada 9 September. Argentina sebelum ini telah pun mengesahkan slot Piala Dunia

mereka pada Mac dan menamatkan saingan kelayakan di tangga teratas sebelum kalah pada pusingan akhir.

Sepanyol memulakan kempen kelayakan Piala Dunia dengan kemenangan 3-0 ke atas Bulgaria sebelum membenam Turkiye 6-0 di gelanggang lawan. Kali terakhir Sepanyol menduduki *ranking* teratas adalah pada Jun 2014, ketika mereka bergelar juara dunia dan Eropah.

Perancis turut mencatat permulaan cemerlang dalam kelayakan UEFA dengan menewaskan Ukraine 2-0 dan

Iceland 2-1.

England kekal di tempat keempat, manakala Portugal mengatasi Brazil untuk naik ke tangga kelima. Brazil, Belanda dan Belgium masing-masing berada di kedudukan keenam hingga kelapan, sementara Croatia dan Itali melengkapkan kelompok 10 teratas di tangga kesembilan dan 10. Jerman jatuh ke tempat ke-12.

Slovakia mencatat lonjakan terbesar, naik 10 anak tangga ke kedudukan ke-42 selepas menewaskan Jerman 2-0 di laman sendiri. - ©BERNAMA

Mesir : Gelang emas Firaun dicuri, dicairkan dan dijual hampir US\$4,000

KAHERAH, 19 Sept. - Gelang emas berusia 3,000 tahun milik firaun purba yang hilang dari Muzium Mesir di Kaherah (EMC) awal bulan ini telah dicuri dan dicairkan, menurut kenyataan Kementerian Dalam Negeri Mesir pada Khamis, lapor Xinhua.

Menurut kementerian itu, seorang pakar pemulihan mengambil artifak tersebut dan menjualnya kepada seorang tukang perak yang dikenali.

Tukang perak berkenaan kemudian menjualnya kepada tukang emas pada harga 180,000 paun Mesir (kira-kira US\$3,735), sebelum dijual pula kepada seorang pencair emas pada harga 194,000 paun Mesir. Pencair emas itu telah

mencairkan gelang berkenaan bersama barang kemas lain sebelum dibentuk semula.

Kementerian itu berkata semua empat suspek mengaku melakukan kesalahan tersebut dan wang yang terlibat telah dirampas. Tindakan undang-undang telah diambil terhadap mereka.

Kementerian Pelancongan dan Antikuiti Mesir pada Selasa melaporkan kehilangan gelang berkenaan yang berasal daripada Raja Amenemope, seorang firaun dari Dinasti ke-21 Mesir purba yang memerintah dari 993 hingga 984 SM.

Gelang yang dihiasi manik lapis lazuli itu hilang dari peti besi di makmal pemuliharaan tingkat dua

muzium berkenaan.

Sebagai tindak balas, kementerian antikuiti menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyemak semula artifak di makmal tersebut dan mengedarkan gambar gelang yang hilang itu di lapangan terbang, pelabuhan laut serta pintu masuk sempadan darat Mesir.

EMC ialah muzium arkeologi tertua di Timur Tengah, menempatkan lebih 170,000 artifak. Ia memiliki koleksi artifak firaun terbesar di dunia, menurut laman rasmi muzium itu. Muzium yang menyimpan artifak purba merupakan tonggak penting dalam menarik pelancong dan sumber utama pertukaran asing Mesir. - ©BERNAMA

MENYEDIAKAN PLATFORM ASAS BIDANG KEJURULATIHAN KARATE

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai (atas dan kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 September. - Seramai 18 peserta Kursus Kejurulatihan Kebangsaan Sukan Karate Tahap Asas Tahun 2025 diraikan pada petang tadi pada Majlis Penyampaian Sijil yang mengambil tempat di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Kursus Kejurulatihan yang berlangsung selama empat hari bermula pada 15 hingga 18 September 2025 berkenaan merupakan anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Persekutuan Karate Brunei

Darussalam (BRUKAF).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly yang juga menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD), diikuti dengan ucapan daripada wakil peserta kursus, iaitu Dayang Sh Norsayedah binti Sayed Sofri@Malai Norsayedah binti Malai Sofri; dan diselenggarakan dengan menyaksikan tayangan video Kursus Kejurulatihan Kebangsaan Sukan Karate Tahap Asas.

Bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Muhammad Jafni Fakhri bin Haji Jabidi sebelum diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

Pencalonan peserta kursus dilakukan oleh pihak BRUKAF melalui kelab-kelab dan atlet kebangsaan yang memegang tali pinggang hitam (Black Belt).

Manakala para pemudah cara kursus terdiri daripada Jurulatih Karate (Kata), Anggoro Bayu Pratama; dan Jurulatih Karate (Kumite), Haji Okhida Simangasing.

Objektif utama kursus

berkenaan diadakan adalah untuk menyediakan platform asas kepada individu yang berminat dalam bidang kejurulatihan karate, agar mereka dapat memahami prinsip-prinsip asas kejurulatihan, struktur sukan karate di NBD serta aspek teknikal dan keselamatan dalam melatih atlet secara sistematik dan profesional.

Manakala, hala tuju Kursus Kejurulatihan Kebangsaan Sukan Karate Tahap Asas pula menekankan pembinaan asas kukuh untuk jurulatih baharu melalui penguasaan pengetahuan kejurulatihan, teknik dan taktik asas karate, aplikasi sains sukan,

pengecayaan kecederaan, perancangan latihan, pemahaman peraturan pertandingan, serta kemahiran kepimpinan dan komunikasi.

Kursus berkenaan juga memberi tumpuan kepada etika, profesionalisme, penilaian prestasi atlet, serta pembangunan mental dan fizikal mereka.

Secara keseluruhannya, ia bertujuan melahirkan jurulatih berkeupayaan untuk membimbing atlet akar umbi secara sistematik, selamat dan beretika, di samping menyediakan laluan untuk perkembangan kejurulatihan ke tahap lebih tinggi.

BSL Musim 2025 / 2026 bermula 19 September ini



PEMANGKU Presiden FABD, Pengiran Haji Kamarunsalehin bin Pengiran Haji Kamis menyampaikan ucapan (atas), manakala gambar kanan, Majlis Menandatangani Perjanjian Bersama Penaja.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 September. - Pelancaran Liga Super Brunei (Brunei Super League - BSL) bagi Musim 2025 / 2026 diadakan hari ini bertempat Dewan Teater, Rumah Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), di sini.

Hadir melancarkan acara berkenaan, Pemangku Presiden FABD, Pengiran Haji Kamarunsalehin bin Pengiran Haji Kamis.

Terdahulu itu, Pemangku Presiden FABD dalam ucapannya menjelaskan pelancaran hari ini bukan sahaja menandakan permulaan musim bola sepak yang baharu dan penuh keterujaan, malah satu pernyataan kukuh mengenai daya tahan serta



komitmen mereka.

Tambahnya, walaupun pelbagai cabaran dihadapi FABD sepanjang tahun ini, BSL tetap berdiri sebagai lambang pertumbuhan, semangat dan penyatuan bola sepak di negara kita.

Bola sepak di Negara Brunei Darussalam tekannya, tidak pernah berhenti, ia terus maju, memberi inspirasi kepada belia, mengeratkan hubungan masyarakat dan memperkukuh ikatan antara kelab serta pihak berkepentingan.

Kemudian, majlis diteruskan dengan Majlis Menandatangani Perjanjian Bersama Penaja, iaitu TLT Enterprise, selaku penaja air minuman rasmi (Suci Drinking Water) yang diwakili oleh May Goh; Kelme Brunei, selaku penaja bola perlawanan rasmi dan jersi pengadil yang diwakili oleh Awang

Ahmad Mas'oud Awang Haji Muhd. Halimi; Cosmopolitan College yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Cosmopolitan College, Daniel Jeyasundrakumar; Sports Connect selaku rakan media yang diwakili oleh Pengarah Projek, Awang Asfadi Ishaq bin Haji Salim; dan BulaltuBulat, selaku rakan rasmi *podcast*, yang diwakili oleh Pengasas Bersama BulaltuBulat, Kamal Metuddin.

Sementara itu, mewakili bagi pihak FABD ialah Setiausaha Agung FABD, Awang Ahmad Za'eem bin Omarali.

Dengan sokongan para penaja, BSL bakal menjanjikan satu lagi musim yang penuh bermakna buat para pemain, kelab dan para peminat.

Majlis berkenaan menghimpunkan wakil kelab, penaja serta pihak berkepentingan



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

utama bagi memeterai penyertaan dan sokongan mereka terhadap kejohanan bola sepak utama negara.

BSL terus menjadi liga tertinggi negara dengan menyediakan platform kepada bakat tempatan untuk bersaing di peringkat tertinggi, di samping memupuk kesatuan dan semangat dalam kalangan peminat bola sepak.

BSL pada musim ini menampilkan 12 kelab akan bersaing dalam jadual perlawanan penuh di pelbagai venue, dengan sepak mula ditetapkan pada Jumaat, 19 September 2025.

Kelab-kelab yang akan beraksi

kali ini ialah BSRC Football, MS PPDB, Jerudong FC, Indera SC, Wijaya FC, Kasuka FC, KB FC, Hawa FC, Lun Bawang FC, MS ABDB, Kota Ranger FC, dan Rimba Star FC.

Para peminat boleh menjangkakan perlawanan yang mendebarkan, program libat urus komuniti, serta pendedahan yang lebih besar kepada bola sepak tempatan.

FABD merakamkan penghargaan tulus kepada semua penaja dan rakan kerjasama yang telah menzahirkan sokongan mereka bagi BSL Musim 2025 / 2026.



PENYERAHAN BENDERA NBD KEPADA KONTINJEN KE SUKAN BORNEO



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly (atas), manakala gambar kanan, kontinjen negara yang akan menyertai Sukan Borneo Ke-6, Tahun 2025 yang akan diadakan di Kuching, Sarawak bermula pada 24 hingga 28 September 2025.

BERAKAS, Rabu, 17 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyertai Sukan Borneo Ke-6, Tahun 2025 yang akan diadakan di Kuching, Sarawak bermula pada 24 hingga 28 September 2025.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera NBD kepada kontinjen NBD ke Sukan Borneo Ke-6 2025, Kuching, Sarawak diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan. Hadir menyempurnakan penyerahan bendera negara berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku tetamu kehormat majlis.

Atur cara majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Guru Ujama Tingkat II, Awang Haji Nuurmati bin Haji Abu Bakar, yang turut membacakan Doa Selamat di akhir majlis dan diikuti dengan ucapan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diteruskan dengan penyerahan Bendera NBD disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly, selaku Chef de Mission Kontinjen NBD ke Sukan Borneo Ke-6, Tahun 2025, Kuching, Sarawak.

Atur cara diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Terutama Datuk Mohd. Aini Atan; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan, Pegawai-pegawai Kanan KKBS; persatuan-persatuan sukan kebangsaan serta para ibu bapa dan penjaga.

Sukan Borneo Ke-6 merupakan kejohanan pelbagai sukan yang melibatkan peserta dari wilayah dan negara di Borneo yang bermula pada 1955 dan kali terakhir ia diadakan pada 2013 di Wilayah Persekutuan

Labuan.

Pada Sukan Borneo Ke-5 di Wilayah Persekutuan Labuan, kontinjen negara telah menyertai sebanyak 11 acara sukan yang dipertandingkan dan berjaya meraih tujuh pingat emas, 11 pingat perak dan 18 pingat gangsa melalui sukan Boling Padang, Futsal, Gasing, Karatedo, Olahraga, Renang, Sepak Takraw, Silat dan Tarik Kalat.

Kontinjen negara akan bertolak ke Kuching, Sarawak pada Isnin, 22 September 2025.



Menggalakkan aktiviti sihat melalui sukan badminton

TANJONG NANGKA, Rabu, 17 September. - Pasukan Bulu Tangkis Harmoni (PBT Harmoni) baru-baru ini mengadakan Perlawanan Badminton di antara

ahli-ahli pasukan berkenaan bertempat di Dewan Satenaga, Kampung Tanjong Nangka.

Perlawanan yang diadakan pada awal September dan

berakhir pada 18 September 2025 lalu disertai oleh 17 beregu.

Pasangan beregu, Awang Ali Darwin bin Haji Bahrun dan Awang Haji Harun Chuchu

Berita dan Foto : Ihsan Pasukan Bulu Tangkis Harmoni

dinobatkan juara setelah mengalahkan pasangan Awang Zaini bin Haji Puasa dan Awang Haji Salim Haji Hussain.

Perlawanan berkenaan bertujuan untuk menggalakkan aktiviti sihat melalui sukan badminton khususnya dalam

kalangan pemain-pemain veteran dalam pasukan berkenaan.

Hadiah pertandingan disampaikan oleh Awang Haji Jofri bin Haji Sahat selaku Pengerusi PBT Harmoni. Hadiah-hadiah pertandingan ditaja oleh Spotech Marketing.



PASUKAN Bulu Tangkis Harmoni (PBT Harmoni) baru-baru ini mengadakan Perlawanan Badminton di antara ahli-ahli pasukan berkenaan bertempat di Dewan Satenaga, Kampung Tanjong Nangka.

Tahukah Awda

PESTA Buku Brunei pertama kali dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1989 sempena 30 Tahun Bahasa Melayu dalam Perlembagaan. Mulai tahun 2000, ia mula dianjurkan secara tahunan sebagai salah satu acara pengisian bagi menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Manakala mulai tahun 2021, penganjuran Pesta Buku Brunei disempenakan dengan Sambutan Bulan Bahasa.

SUMBER : Pelita Brunei edisi Ogos 2025.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

GURU ADALAH INSAN YANG MENYAMPAIKAN ILMU, MEMBENTUK SAHSIAH PERIBADI SESEORANG